


Jilid I
Bil. 20



MALAYSIA

Hari Khamis
8hb Julai, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2389]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 2430]

USUL²:

Tambahan Yuran Malaysia kepada Bank Antarabangsa bagi Pemulehan dan Pembangunan [Ruangan 2430]

Tambahan Yuran Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa [Ruangan 2431]

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad [Ruangan 2432]

Pelaboran dalam Sharikat Perumahan Pegawai² Kerajaan Sendirian Berhad [Ruangan 2441]

Pelaboran dalam Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad (Malaysia Airlines Ltd.) [Ruangan 2443]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Obat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) [Ruangan 2444]

Rang Undang² Pembasmi Malaria [Ruangan 2454]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 8hb Julai, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH
ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka
Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN,
S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI
JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Yang Berbahagia TAN SRI V.
MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI
MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P.
(Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU
SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH
BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E.
(Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG
KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN
MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian
Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato' Kramat).

- Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis)
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
 - „ Setia-usaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
 - „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

Yang Berhormat Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
 „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
 „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J., (Muar Selatan).
 „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
 „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
 „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
 „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
 „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
 „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
 „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
 „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
 „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
 „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

GURU² PUSAT LATEHAN HARIAN— PERSAMAAN TARAF

1. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan bila guru² Pusat Latehan Harian akan di-beri persamaan taraf.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya yang di-maksudkan oleh Yang Berhormat ia-lah persamaan taraf guru² D.T.C. dengan M.T.C. ia-itu dalam Bahasa Inggeris-nya "D.T.C./M.T.C. Parity". Persamaan taraf ini sudah pun di-berikan tetapi perlaksanaan-nya akan di-buat serentak dengan perlaksanaan keputusan² Kerajaan terhadap Laporan Aziz.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, can the Honourable Minister give any reasons for the recent exodus of teachers to other countries and to other appointments in other Departments?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya soalan itu tidak-lah berbangkit daripada soalan yang asal—sebab² guru² keluar itu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah guru² Melayu, guru² bahasa kebangsaan dan guru² ra'ayat yang U.T.S. atau yang di-U.T.S.kan mendapat faedah dari pelaksanaan Parity D.T.C./M.T.C. itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya tidak faham, boleh-kah ulang balek soalan itu?

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah guru² Melayu, guru bahasa Malaysia

dan guru ra'ayat yang U.T.S. atau pun yang di-U.T.S.kan mendapat faedah dari pelaksanaan Parity D.T.C./M.T.C. itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, asas-nya ia-lah berkenaan dengan satu² guru yang di-lateh di-dalam D.T.C. tidak-lah berbangkit dengan masaalah U.T.S., guru² Melayu atau guru² bukan Melayu. Kalau dia berlateh di-bawah D.T.C. ini dia termasuk di-dalam parity itu, guru² U.T.S. yang lain yang latehan-nya bukan di-bawah D.T.C. tidak-lah termasuk dalam soalan parity ini.

Tuan Su Liang Yu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu ini.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Saya. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya terima kaseh di-atas jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi tetapi hari ini guru M.T.C. dengan guru² Melayu Kerajaan mendapat parity—yang sama ia-itu-lah tangga gaji \$310 hingga \$560. Jadi jika guru latehan D.T.C. parity-nya sama dengan M.T.C. maka apa-kah sebab-nya guru² Melayu U.T.S. itu tidak dapat faedah dari perlaksanaan parity D.T.C./M.T.C. itu, sedangkan guru² Melayu U.T.S. dan guru² Kerajaan itu mendapat latehan yang sama.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, masaalah tangga² gaji guru ini amat-lah rumit dan kalau hendakkan butir² macham mana yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya, di-sini tidak adalah dapat membuat-nya kerana saya tidak teringat butir² itu. Kalau Yang Berhormat mempunyai apa² kesulitan atau pun pandangan² berkaitan dengan perkara ini, saya sendiri sukachita jikalau Ahli Yang Berhormat itu dapat berjumpa dengan saya supaya dapat kita rundingkan perkara ini, butir² ini, saya tidak ingat melainkan dengan bantuan nota².

Tuan Su Liang Yu: (Dengan izin) Sir, will the parity of the D.T.C. teachers be backdated to 1968 as it has been approved in principle?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, masaalah membelakangkan tarikh ini, Kementerian saya tengah menyiasatkan masaalah ini dan saya sendiri yang mengam-bil pandangan yang berat dan tidak berapa lama lagi rasa saya, saya harap, dapat saya memberi pengumuman berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah pehak Kementerian sedar bahawa dengan tidak di-beri persamaan taraf kepada mana² Pusat Latehan atau mana² kelulusan Pusat Pengajian yang sama mata pelajaran-nya yang di-ajar dan sama pula kelayakan guru yang mengajar dengan mana² Pusat Pengajian yang di-iktiraf oleh Kerajaan akan menimbulkan satu perasaan tidak puas hati dan rasa teraniaya di-kalangan pelajar yang lulus itu. Jika sedar apa-kah langkah yang di-buat oleh Kementerian untuk itu?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Ahli Yang Berhormat amat-lah umum. Saya tidak mengetahui dan tidak faham atas apa yang dimaksudkan dengan Pusat² Pengajian yang di-sebutkan itu. Soalan itu amat-lah umum dan sa-bagai mana saya katakan tadi masaalah tangga gaji guru ini amat-lah rumit, dan jikalau Ahli Yang Berhormat itu ada hendak membangkitkan perkara itu dengan butir yang tepat, saya sedia menerima-nya.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya tentang persamaan taraf.

Tuan Yang di-Pertua: Itu-lah jawapan-nya macham itu.

Tuan Su Liang Yu: Soalan tambahan. Does the parity include those teachers trained in the Chinese and Tamil media of the D.T.C. and having the same qualifications?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa terang tentang masaalah ini. Saya akan memberi jawab kepada Ahli Yang Berhormat itu sa-lepas saya menyelidek perkara itu. Saya tidak berapa terang dengan masaalah Chinese trained dan Indian trained ini. Saya akan memberi jawab kepada Ahli Yang Berhormat kemudian nanti.

Tuan Su Liang Yu: Supplementary question. In view of the new Teachers Commission Report, that is, the Aziz Report, which is going to be implemented in the near future, will the Honourable Minister assure the House that the parity for the D.T.C. teachers will be first fully implemented before the implementation of the Aziz Report?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Masalah melaksanakan D.T.C., M.T.C. parity ini, macham mana saya terangkan tadi akan dilaksanakan serentak dengan pelaksanaan keputusan Kerajaan terhadap Laporan Aziz.

SUROHANJAYA PENYIASAT AZIZ— PERLAKSANAAN

2. Tuan Su Liang Yu: bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa jumlah wang untuk menjalankan "Surohanjaya Penyiasat Aziz" dan bila laporan ini akan di-laksanakan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soal yang pertama ia-itu perbelanjaan mengurus Surohanjaya Aziz ia-lah sa-banyak \$569,919.89.

Kerajaan telah mengumumkan bahawa keputusan²-nya terhadap shor² Surohanjaya itu mengenai gaji dan sharat² perkhidmatan akan di-kuatkuasakan mulai dari 1-1-1970.

Langkah² sedang di-ambil untuk melaksanakan keputusan² ini dengan sa-berapa segera.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini guru² Kerajaan di-Kedah dan di-Johor mendapat tambang perchuma pergi ka-Mekah sa-lepas bekerja 20 tahun. Jadi, soalnya apa-kah mereka akan mendapat tambang perchuma ini sa-lepas mereka bekerja 20 tahun atau akan hilang faedah-nya itu apabila terlaksana-nya Laporan Aziz nanti?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Soalan tambahan itu saya rasa tidak berbangkit daripada soal yang asal. Soal yang asal chuma hendak tahu berapa jumlah perbelanjaan Surohanjaya Aziz dan bila hendak di-laksanakan Laporan Aziz itu.

ANGGOTA² MAJLIS TEMPATAN DAN MAJLIS BANDARAN—TINDAKAN

3. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan nama 16 guru² dan parti² politik mereka yang menjadi anggota² Majlis

Tempatan dan Majlis Bandaran di-Malaysia dan terangkan ada-kah Menteri Pelajaran membiarkan guru² itu memegang jawatan² tersebut; kalau tidak apa-kah tindakan yang akan di-ambil terhadap mereka serta guru besar mereka yang menjadi anggota² aktif dalam UMNO.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, nama guru² dan parti politik mereka yang menjadi Ahli Majlis Bandaran ia-lah:

(i) Lum Kin Tuck ...	Parti MCA	Selangor
(ii) Ng Tong Lam ...	Parti MCA	Perak
(iii) Tan Beng Lee ...	Parti MCA	Perak
(iv) Mohd. Zain bin Daud	Parti UMNO	Perak
(v) Ramasamy alias Rangasamy	Parti MIC	Perak
(vi) R. Krishnan ...	Parti MIC	Perak

Nama guru² dan parti politik yang menjadi Ahli Majlis Tempatan ia-lah:

(i) Khor Koh Chwee	Parti MCA	Pulau Pinang
(ii) Ch'ng Teik Seng	Parti MCA	Pulau Pinang
(iii) Lau Keng Siong	Parti MCA	Johor
(iv) Ponnalagu ...	Parti MIC	Selangor
(v) Siao Ka Pee ...	Parti MCA	Pahang
(vi) Ling Ching Shio	Parti MCA	Perak
(vii) Ngooi Eee Doong	Parti MCA	Perak (untuk 2 Majlis Tempatan)
(viii) Ling Chew Hea ...	Parti MCA	Perak
(ix) Lau Ai Nang ...	Parti MCA	Perak

Nama di-sini ada 15, kelmarin saya beri 16 di-sebabkan yang saya katakan tadi Enche' Ngooi Eee Doong itu ia-lah menjadi Ahli dua Majlis Tempatan.

Menjawab kepada soalan yang kedua kesemua guru² ini ia-lah guru² U.T.S. ia-itu bukan guru² Kerajaan dan peratoran yang ada tidak menahan mereka daripada menjadi Ahli Majlis Tempatan atau Majlis Bandaran. Oleh yang demikian tidak ada tindakan akan di-ambil terhadap mereka.

Tuan Su Liang Yu: (Dengan izin) Is the Honourable Minister aware that after the reorganisation of the M.C.A. many Chinese school teachers, especially in Dindings, Perak, are now holding many important posts in

the M.C.A. Branches? Would the Honourable Minister give the assurance that teachers who wish to participate in politics in the Opposition Parties will also be given the same privileges as those who are in the M.C.A., UMNO or the M.I.C.?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: I personally am not aware of the statements made by the Honourable Member that there are many Chinese School teachers, who are M.C.A. members, taking active part in politics, but I will be glad if the Honourable Member himself will let me have the names of those people.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengatakan guru² U.T.S. tidak di-tegah menjadi Ahli Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan. Bagaimana pula kalau sa-saorang guru itu sa-kiranya ada—saya perchaya tidak ada—kalau dia menjadi Ahli Dewan Ra'ayat atau pun Ahli Dewan Negeri. Guru U.T.S. tadi dia di-bolehan memegang jawatan Ahli Majlis Tempatan atau Ahli Majlis Bandaran. Jadi bagaimana pula kalau guru² U.T.S. itu memegang atau pun menjawat jawatan Ahli Dewan Ra'ayat atau pun Ahli Dewan Negeri.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, syarat² untuk menjadi Ahli Dewan Ra'ayat dan Ahli Dewan Negeri ada-lah menurut Undang² Perlembagaan kita yang mensharatkan siapa yang boleh jadi ahli dan siapa yang tidak boleh jadi ahli. Begitu juga mengikut Undang² Tuboh Negeri itu sama ada orang itu boleh jadi Ahli Dewan Negeri atau pun tidak. Syarat² menjadi Ahli Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri terkandung dalam Undang² Tuboh masing².

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tidak-kah dari segi undang² sa-saorang guru U.T.S. di-bolehan menjadi chalon Ahli Dewan Ra'ayat, atau pun Ahli Dewan Negeri tanpa meletakkan jawatan lebeh dahulu daripada menjadi guru.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, macham mana telah saya terangkan guru² U.T.S. bukan-lah guru² Kerajaan dan mereka tidak terta'alok di-bawah Perintah 'Am (General Orders) Kerajaan. Perdirian-

nya ia-lah berbeza daripada guru² Kerajaan ia-itu syarat² kerja atau syarat² kerja U.T.S. ia-lah mengikut syarat²-nya sendiri.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Is it the policy of the Government to allow teachers and lecturers in the Universities and MARA to become members of political parties?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the question of whether teachers will be allowed to take active part in politics is still under the active consideration of the Government. We hope to make a statement soon specifying what type of teachers will be allowed to take part in politics. Now, as regards the Lecturers in Universities, I myself have the occasion to speak to the Vice-Chancellor there and, as you know, at the moment, there is no rule, as far as I know, in the University prohibiting Lecturers or Professors taking part in politics.

Tuan Goh Hock Guan: Mr Speaker, Sir, as at this moment of time, do you consider it a good thing or a bad thing for Lecturers, Vice-Chancellor (*gangguan*).

Tuan Yang di-Pertua: That is a hypothetical question you are putting.

Tuan Goh Hock Guan: Yes, but with your permission, Sir

Tuan Yang di-Pertua: No, hypothetical questions are not allowed.

Dato' James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, may I ask a supplementary question? In the light of what the Honourable Minister has just said that the Government is still considering the policy on whether teachers should be permitted or not to participate in politics, am I not correct, Sir, in asking the Honourable Minister whether or not the previous Minister of Education, Enche' Mohamed Khir Johari, had previously made a statement before the General Elections that teachers are allowed to participate in politics provided they have obtained the permission of the Minister of Education?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: That is the position as far as I know.

Dato' James Wong Kim Min: Sir, may I ask the Honourable Minister whether or not those teachers who are now participating in politics have obtained the permission?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Yes, some of them have obtained permission, others may have not. As I said, the matter is still under the active consideration of the Government.

Dato' James Wong Kim Min: Sir, will the Honourable Minister give a ruling on this very important question soon as this matter has been pending now for two years, I believe, since the previous Honourable Minister made that statement?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Soon.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Minister assure this House that until such time as a definite ruling is made by the Ministry, teachers be allowed to continue to participate in politics?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Definitely no.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, apa-kah pehak Kementerian Pelajaran membenarkan guru² ini aktif dalam politik, sama ada politik parti Kerajaan atau politik parti Pembangkang?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, bila kita membuat peratoran, dia akan meliputi semua, bukan-nya ahli² parti atau guru² yang menyokong satu parti sahaja. Semua parti akan terlibat, semua parti akan termasuk.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua ia-lah sekarang dan yang akan datang. Maksud saya begitu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, terlibat mithal-nya UMNO, M.C.A. dan M.I.C. sahaja. Kalau kita membuat peratoran, ia-lah mengenai semua sama ada dia menyokong parti Perikatan atau pun parti yang lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kaseh-lah tentang kenyataan bahawa kita akan benarkan

semua, tetapi saya ingin tahu apa yang telah berlaku bahawa kalau guru² itu aktif dalam parti lain, parti Pembangkang maka macham² tindakan sa-chara tidak langsung kepada guru itu. Jadi, ada-kah pekerjaan² saperti itu Menteri itu tahu atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan.

SETOR TALIKOM PETALING JAYA— KEHILANGAN WAYAR TEMBAGA

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom sama ada Kerajaan sedar bahawa beberapa benda, saperti wayar tembaga yang sudah di-pakai dan lain², telah hilang dari setor Talikom, Petaling Jaya.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, semua setor² di-bawah Jabatan Talikom termasuk setor di-Petaling Jaya di-pereksa dan di-odit oleh Juru Odit Kerajaan. Juru Odit Kerajaan telah memereksa setor di-Petaling Jaya pada awal tiap² tahun dan pepereksaan yang akhir sa-kali di-buat dalam bulan Januari/Februari, 1971. Tidak ada apa² laporan berkenaan kehilangan di-terima.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tujuan saya ada-lah second-hand wire yang tidak di-gunakan itu di-bawa ka-setor itu habis di-tender, tetapi itu di-jual. Itu yang saya maksudkan, tahu atau tidak?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, copper wire pun termasuk di-dalam jawapan saya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, copper wire yang sudah tidak elok lagi, yang sudah habis, yang sudah dimasukkan ka-dalam setor, tidak masuk kira², itu-lah yang hilang. Itu yang saya hendak tahu.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi ada-lah bagi chukop keterangan. Copper wire pun termasuk di-dalam barang second-hand juga.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jikalau ada sa-orang watchman mithal-nya di-setor

itu memberitahu perkara ini, boleh-kah Menteri yang bertanggung-jawab memeriksa betul² di atas perkara ini dan siapa yang menjualkan itu Kerajaan akan mengambil tindakan?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

TALIPON—SEBAB² KEROSAKAN

5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan mengapa kerap kali berlaku-nya kerosakan talipon dan sama ada di-sebabkan oleh kebel yang bermutu rendah.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, kebel yang lama jika rosak ada-lah di-gantikan. Kerosakan kepada Perkhidmatan Talipon bukan-lah hanya di-sebabkan oleh kebel yang tidak bermutu. Kerosakan² talipon boleh berlaku dari berbagai² sebab sa-lain daripada sebab² teknik. Sa-tengah daripada sebab² yang biasa berlaku ia-lah di-sambar kilat petir, hujan lebat, dahan² kayu jatoh, hujung dahan kayu yang tersangkut, anai², kerja² merosak, ayer banjir dan lain² (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selalu sahaja rosak, tiap² kali petir, rosak. Jadi, ini yang saya hairan. Bukan saya yang complain, banyak orang yang complain. Menteri itu pun complain sama, rosak sahaja. Boleh-kah di-jamin kita mendapat orang teknikal yang betul² pandai membetulkan wayar² ini.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, Tuhan menjadikan manusia tetapi badan manusia pun rosak juga kadang² (*Ketawa*). Kalau badan manusia tidak rosak mesti kita tidak masuk hospital. Sa-rupa juga barang talikom manusia buat, sebab itu kadang² dia pun rosak (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memang-lah manusia pun rosak juga kadang² manusia itu langsung terus jalan. Tetapi ini Talikom, wire talipon ini kalau ada doktor yang pandai, rosak ini ta'apa-lah mengambil satu dua hari, ini selalu sahaja rosak, jadi ma'ananya doktor-nya ta' pandai. Kalau saya masuk hospital, operation perut kalau doktor yang ta' pandai itu memang perut saya itu besok

pagi sudah menetas balek. Jadi dengan sebab itu mesti-lah di-chari dukon atau doktor yang pandai. Soalan saya, boleh-kah chari doktor yang pandai.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, apabila manusia dapat sakit dia mati, kadang². Tetapi talipon engineer kita pandai, sebab itu apabila talipon rosak sa-hari, dua hari, sa-minggu, tetapi dapat balek juga talipon dia yang baik.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tahu bahawa talipon di-negeri Trengganu khas-nya bagi Daerah Dungun selalu mengalami kerosakan sampai dua hari atau pun tiga hari, apa-kah usaha supaya kerosakan itu jarang berlaku di-tempat yang berkenaan itu.

Tun V. T. Sambanthan: (*Dengan izin*) Sir, the telecommunications network in the East Coast is now being built up with a micro-wave backbone. This micro-wave backbone has just reached Trengganu and will soon reach Kota Bharu. At the same time we have got a big scheme of having automatic telephone network throughout the country and to make this possible we have embarked on a scheme of having modern "cross-bar" exchanges. The exchanges at Dungun and a number of places are old, out-moded exchanges and these are due for replacement soon. So, as soon as the Kuala Trengganu exchange is completed, which will be in another three months' time, work will also commence on the Dungun exchange and other exchanges so that in a matter of a year or a year-and-a-half or two years, we will be able to give automatic dialling to Dungun and other places so that Dungun may be able to dial not only to Kuala Trengganu or Kota Bharu but right up to Kuala Lumpur or most other parts of the big towns in Malaysia. This will, in fact, extend right down to all the small towns throughout the country.

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Sir, can the Honourable Minister tell us what is the reason for the not only frequent breakdowns but the impossibility of sometimes getting any response from telephone service between Kuching and Miri, Kuching and Bintulu, and Kuching and Limbang? And are there any plans at all to improve the telephone service; if so, when?

Tun V. T. Sambanthan: (*Dengan izin*) This question really does not arise. But I suppose out of the goodness of my heart, I can reply. We have a very ambitious plan also for Sarawak and Sabah. The micro-wave backbone in Sabah is now in the process of erection and we are also going ahead with the work from Kuching to Sibu and we will soon be calling for tenders to connect the balance of these areas right up to Kota Kinabalu so that in the course of the next two years or two-and-a-half years—this depends on the speed of construction in the very difficult terrain of Sarawak and Sabah—we should have this micro-wave backbone, and alongside that also new exchanges so that it will well be that before the end of the Second Malaysia Plan both East Malaysia and West Malaysia will have possibly the most modern telephone service in this part of the world.

PANGGILAN TALIPON—SEBAB² KELAMBATAN

6. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakannya mengapa sa-suatu panggilan talipon yang di-buat melalui operator kadang kala memakan masa sa-tengah jam untuk di-hubungkan.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak menjokkan tempat yang mana kelewatan itu berlaku. Walau bagaimana pun pada umumnya operator tidak mengambil sa-tengah jam untuk menghubungkan satu panggilan. Sungoh pun begitu pada sa-tengah liter kelambatan boleh berlaku oleh kerana kesibokan di-sebabkan oleh terlampau banyak panggilan² dan/atau kerosakan pada liter itu. Jabatan Talikom ada-lah sentiasa mengawas dan mengkaji liter² ini dan bergantung kepada had peruntukan wang di-mana di-anggap perlu dari segi ekonomi liter² tambahan akan di-adakan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa panggilan jauh daripada Alor Star ka-Kuala Lumpur kadang kala mengambil masa dua jam, kalau hari Isnin boleh jadi sampai 4 jam dan apa-kah tindakan yang akan di-ambil.

Tun V. T. Sambanthan: Jawapan sama sa-rupa tadi.

BATU SEMPADAN MALAYSIA/THAI— KEHILANGAN

7. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan boleh memberi penjelasan penoh mengenai batu² sempadan di-sempadan Malaysia/Thai yang telah hilang atau rosak menyebabkan kesukaran kepada ra'ayat di-negeri Perlis, dan sama ada Kerajaan akan berunding dengan Kerajaan Thai supaya batu² sempadan itu di-bena atau pun di-letakkan sa-mula di-tempat² yang asal.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1909 satu Perjanjian Sempadan telah di-tanda-tangani di-antara Kerajaan British dan Kerajaan Thailand, sa-lepas daripada itu Surohanjaya telah di-tubuhkan untuk mengukur dan menanam batu² tanda sempadan di-sepanjang sempadan Malaysia dan Thailand. Walau bagaimana pun jumlah batu² sempadan yang telah di-tanam tidak men-chukupi oleh sebab itu ada-lah di-dapati bahawa di-beberapa kawasan di-sempadan di-antara Malaysia dengan Thailand termasuklah kawasan di-Perlis garisan sempadan telah tidak tertanda dengan nyata-nya. Oleh yang demikian masaaalah mengenai garisan sempadan di-Perlis itu berbangkit bukan sahaja dari akibat kehilangan atau pun kerosakan batu² sempadan, tetapi juga ada-lah di-sebabkan oleh kekurangan batu² tanda yang telah di-tunjokkan dengan terang-nya garisan sempadan di-situ. Kerajaan Thailand telah ber-setuju di-atas dasar-nya untuk mengadakan pengukuran bersama dan menanda garisan sempadan di-antara kedua negara di-beberapa kawasan termasuk juga kawasan di-daerah Perlis. Saya harap perkara ini akan dapat di-jalankan tidak berapa lama lagi.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Amat Berhormat memberi tahu Dewan ini rupa tanda batu perenggan itu mungkin kadang² kala saya-kah, siapa-kah lalu hendak tahu ini Malaysia punya-kah, itu Thailand punya-kah sa-macam dengan batu terat ladang tanah kita atau lain.

Perdana Menteri: Saya fikir Yang Berhormat yang duduk berdekatan dengan sempadan tentu lebih tahu daripada saya batu² itu. (*Ketawa*).

KESATUAN PENUNTUT² MALAYSIA DI-TAIWAN—PENUBOHAN

8. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ada lebih kurang 3,000 penuntut² Malaysia sedang menuntut di-Kolej² dan di-Universiti² di-Taiwan yang ingin menubuhkan sa-buah Kesatuan Penuntut² Malaysia untuk faedah² mereka dan juga untuk menjalankan kegiatan² di-luar bilek darjah sa-bagaimana yang telah di-lakukan oleh penuntut² Malaysia di-negera² lain; dan
- (b) sama ada benar bahawa Kerajaan Taiwan tidak mengizinkan penuntut² Malaysia menubuhkan kesatuan mereka sendiri.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masalah ini. Kerajaan Taiwan bersetuju dengan penubuhan Persatuan Penuntut² Malaysia di-Taiwan akan tetapi Persatuan itu hendaklah di-panggil dengan nama "Student's Amity Union" dan mesti-lah di-daftarkan dengan "Overseas Chinese Affairs Commission". Kedua² syarat ini tidak-lah dapat kita terima, kerana syarat² ini merupakan satu chara untuk pengaruhi pergerakan² pelajar² kita yang berbangsa China dan yang bukan bangsa China.

Kita sedang menyelideki perkara ini dengan pehak yang berkuasa di-Taipeh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan Taiwan itu mensifatkan penuntut² China daripada Malaysia yang menjadi warganegara Malaysia ini sa-bagai orang China di-sana atau sa-bagai penuntut Taiwan di-sana.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Itu saya rasa tidak-lah berbangkit daripada soalan yang asal.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI TAIWAN—PENAHANAN PENUNTUT² MALAYSIA

9. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa 10 orang penuntut² Malaysia telah di-tahan di-bawah Akta Keselamatan di-dalam Negeri Taiwan kerana mendengar siaran Radio Peking, dan jika ya, nyatakan sama ada beliau boleh memberi tahu Majlis apa akan terjadi kepada penuntut² ini dan apa-kah langkah² yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk membebaskan mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, menurut penyiasatan Kerajaan laporan itu tidak benar. Sa-tahu saya hanya-lah ada dua orang pelajar telah di-tahan atas tuduhan terlibat dalam gerakan² sabversif. Konsol kita di-Taiwan sedang berusaha menchari jalan untuk memberi apa juga pertolongan yang patut kepada kedua² penuntut itu.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Is it true, Mr Prime Minister, that our students in Taiwan were requested to go into the National Service in Taiwan?

Perdana Menteri: Sir, this is a separate question.

PEPEREKSAAN L.C.E.—SIJIL²

10. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) jumlah mereka yang mendudoki Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran tahun 1970;
- (b) berapa jumlah mereka yang lulus dalam Peperiksaan tersebut; dan
- (c) sebab² ramai dari mereka gagal.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ta' berapa terang di-sini sebab terjemahan di-dalam bahasa Inggeris, di-sini tertulis peperiksaan L.C.E. dalam bahasa Kebangsaan peperiksaan S.R.P. Ini ada berbedza sebab bila di-katakan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran ia-lah melalui bahasa Kebangsaan, jika L.C.E. melalui bahasa Inggeris.

Tuan V. David: My question is on the L.C.E. examination.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, soal ini sudah juga di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu pada sidang yang lepas. Walau pun demikian saya akan beri butir² yang di-kehendaki oleh-nya:

- (a) Jumlah mereka yang menduduki Peperiksaan L.C.E. pada tahun 1970 ia-lah 69,539 orang.
- (b) Jumlah yang lulus ia-itu mendapat sijil ia-lah 36,026 orang.
- (c) Sebab² ramai daripada mereka gagal ia-lah mereka tidak lulus dalam salah satu atau lebih daripada mata² pelajaran yang di-wajibkan ia-itu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Tawarikh atau pun Ilmu 'Alam.

Tuan V. David: Sir, is it not a fact that this establishes the fact that a number of failures are due to something wrong in our education system?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: It is not a fact.

LAWATAN² KA-RUSSIA—MEMANJANGKAN MASA

11. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan memanjangkan masa untuk lawatan² ka-Russia, yang hanya sa-bulan pada masa sekarang; dan
- (b) kalau tidak, sila beri sebab²-nya.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal sama ada Kerajaan bersedia menimbangkan masa untuk lawatan ka-Russia berlebeh daripada jangka masa sa-bulan itu bergantung kepada tujuan tiap² lawatan yang di-chadangkan. Jikalau lawatan itu akan memberi faedah kepada negara ini, atau kepada pemohon sendiri, atau kepada pertubuhan yang ia menjadi ahli, jangka masa yang lebih panjang akan di-timbangkan. Pendek kata tiap² permohonan akan di-pertimbangkan mengikut merit sa-suatu kes.

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LUMPUR—KEUTAMAAN ANAK² PEKERJA

12. Tuan V. David minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada keutamaan akan di-beri kepada anak² pekerja² dalam Majlis Perbandaran Kuala Lumpur di-masa yang akan datang, untuk memegang jawatan di-dalam Majlis itu.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, keutamaan atau preference itu tidak boleh di-beri kerana ada-lah bertentangan dengan Fasal 8 Perlembagaan Persekutuan. Semua jawatan dalam Perbandaran Ibu Kota hendak-lah terbuka kepada semua warganegara Malaysia termasuk anak² pekerja yang menjadi warganegara.

PESERTA² RANCHANGAN L.K.T.P.

13. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan ada-kah menjadi syarat bahawa sa-saorang peserta dalam mana² ranchangan L.K.T.P. mesti-lah terlebih dahulu menjadi ahli UMNO.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya memberi jawapan, saya suka hendak tahu lebih dahulu bahawa sama ada Ahli Yang Berhormat itu menyokong dasar Kerajaan mengadakan L.K.T.P. atau pun tidak.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Saya sokong.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Jawapan soalan ini ia-lah tidak.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa perkara ini amat-lah luas-nya berlaku di-dalam negeri Kedah. Tiap² sa-orang yang ingin membuat permohonan untuk mendapat tempat dalam satu² ranchangan, politik UMNO masuk dalam ranchangan itu, dengan ada chara² senarai dan sa-bagai-nya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang yang saya ingat ahli² peserta dalam L.K.T.P. bukan sahaja terdiri daripada satu parti, ada juga terdiri daripada parti² yang lain. Bagi pehak parti UMNO bagitu juga parti² lain boleh menolong L.K.T.P., memujuk atau pun mengajak orang ramai menjadi peserta dalam ranchangan tanah itu.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Orang² PAS dalam negeri Kedah banyak mahu pada tanah, tetapi soal-nya apabila membuat permohonan, maka permohonan itu mesti mendapat recommendation daripada Ketua² Parti UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi soalan-nya apa?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan-nya, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara mengatakan politik ta' masok dalam soal permintaan tanah.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, soalan tambahan-nya apa?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Baik, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberi jaminan bahawa sa-kira-nya sa-orang peserta L.K.T.P. bergerak atau pun memasoki mana² parti politik Pembangkang tidak akan diambil tindakan dengan menyingkirkan-nya daripada ranchangan tersebut.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tidak ada perkara seperti itu berlaku.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, itu erti-nya jaminanlah, bagitu?

PEMOTONGAN HUTANG² PESERTA² L.K.T.P.

14. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan ada-kah beliau sedar bahawa dengan jatuh-nya harga getah sekarang ini kadar pembayaran hutang yang di-kenakan ka-atas peserta² di-dalam ranchangan² L.K.T.P. amat-lah berat di-rasa² oleh peserta². Sa-kira-nya sedar ada-kah Menteri yang berkenaan berchadang hendak memotong hutang² tersebut mengikut kadar harga² getah yang ada sekarang ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, jawapan-nya saya sedar. Soalan yang kedua, umum dan saya tidak berapa faham, oleh itu susah hendak di-jawab.

PEMECHATAN PESERTA² RANCHANGAN L.K.T.P.

15. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apa-kah kesalahan² yang boleh memechatkan sa-saorang peserta (peladang) dari mana² satu ranchangan L.K.T.P.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sa-saorang peserta L.K.T.P. boleh di-pechat dari ranchangan-nya sa-kira-nya ia berkali² melanggar Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai²), 1960. Di-antara kesalahan² yang boleh menyebabkan penyingkiran sa-saorang peserta itu seperti berikut :

- (i) keengganan mereka bermastautin dengan tetap-nya di-dalam ranchangan;
- (ii) keengganan bekerja dan berusaha bagi menjayakan kawasan ladang mereka masing²;
- (iii) keengganan menyerahkan hasil getah atau kelapa sawit untuk di-jual melalui Lembaga;
- (iv) tidak dapat menyesuaikan diri-nya dengan masyarakat ranchangan seperti melakukan kesalahan² jenayah terhadap peserta² dan kaki-tangan Lembaga, melakukan kerosakan terhadap harta benda Lembaga, memechah keamanan masyarakat ranchangan dan lain²;
- (v) keengganan membayar bayaran tahunan yang di-satukan dan bayaran² lain yang tertentu sa-bagaimana yang di-luluskan oleh Menteri yang bertanggung-jawab.

Sa-lain daripada sharat² di-atas, sa-saorang peserta yang di-luchutkan taraf kewarganegaraan oleh Kerajaan akan juga di-pechat daripada ranchangan L.K.T.P.

Saya suka menegaskan bahawa Lembaga sentiasa bersikap berperikemanusiaan sebelum mengambil keputusan memechat sa-saorang peserta itu. Tindakan ini hanya diambil sa-telah tindakan memberi nasehat dan amaran² di-dapati tidak berkesan untuk mengubah kelakuan dan sikap sa-saorang peserta itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya mendapat tahu daripada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah satu salinan di-beri kapada tiap² peserta di-atas sebab² yang mungkin mereka akan di-pechat sa-kira-nya mereka berbuat demikian?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, tidak payah di-beri melainkan amaran² yang di-beri telah chukup untuk memberi pengetahuan kapada tiap² ahli peserta itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Selalu timbul kekeliruan di-ranchangan² L.K.T.P. di-antara peserta² dan pegawai² yang berkenaan. Jadi perkara ini mungkin kalau pehak atasan atau pun.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Ta' payah beri penerangan, ini bukan masa beruchap panjang².

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi saya minta Menteri yang berkenaan sudi-kah sa-kira-nya di-beri satu salinan tentang apa yang saya maksudkan bagitu sa-lepas ini kapada peserta² di-ranchangan L.K.T.P.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soal. Permintaan macham itu boleh di-buat belakang masa.

Dato' Dr Abdul Aziz bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Dewan ini mengetahui bila-kah L.K.T.P. akan membuka ranchangan-nya di-Kelantan dan jikalau tidak, apa-kah syarat² yang di-kehendaki oleh Kerajaan Kelantan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: L.K.T.P. sudah pun membuka tanah di-Kelantan di-Ayer Lanas, tetapi ranchangan itu tidak berjaya sebab di-jaga oleh Kerajaan Kelantan dan kalau sa-kira-nya Kerajaan Kelantan mahu, bila² masa sahaja L.K.T.P. akan datang membuka ranchangan tanah di-sana bagi faedah ra'ayat negeri Kelantan.

Dato' Haji Abdul Razak bin Hussin: Adakah Menteri yang berkenaan berchadang menimbangkan sa-mula sa-saorang ahli yang telah di-pechat daripada menjadi peserta tanah L.K.T.P. itu jikalau sa-kira-nya dia merayu dan memberi sebab² bahawa dia akan merujuk sa-mula, ta'at setia kapada Lembaga dan ia-nya dapat di-kembalikan sa-mula masok di-dalam ranchangan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Apabila sa-orang peserta itu, Tuan Yang di-Pertua, telah di-keluarkan daripada ranchangan, maka tempat itu telah di-ambil oleh orang lain. Jadi bila dia hendak masok tidak boleh, macham orang laki² telah bercherai, isteri pun sudah kahwin dengan orang lain dan kalau hendak balek tidak boleh-lah, sudah ada tempat orang gantikan dia. Tetapi kalau dia hendak chari tempat lain boleh-lah juga di-timbangkan.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Saya hendak bertanya kapada pehak Kementerian, apa-kah syarat² yang di-kenakan kapada peserta² yang membolehkan peserta² itu mendapat tanah di-dalam ranchangan L.K.T.P.?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, umur daripada 18 tahun hingga 35 tahun dan bagi pehak ahli² bekas Pasokan Keselamatan hingga 40 tahun. Orang² ini sa-benar²-nya chenderong hendak menjadi sa-orang petani dan mereka yang tidak bertanah.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah syarat² itu sa-lain daripada itu di-kenakan kapada peserta yang sudah mempunyai isteri dan sa-kurang²-nya ada 5 orang anak?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Mereka yang mempunyai tanggungan yang banyak di-utamakan, tetapi jika sa-kira-nya tanah itu berlebehan tanggungan yang kurang daripada itu pun di-benarkan juga bahkan orang yang tidak beristeri pun boleh juga di-beri masok kalau ada tanah itu berlebeh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak pehak Kementerian yang bertanggung-jawab daripada umur 30 tahun letak sampai 45 tahun kerana orang 35 tahun pun kadang² ta' ada

mempunyai tanah. Kalau dapat 35 tahun ka-atas itu-lah yang lebeh penting sebab dia sudah tua, dia boleh bekerja, tetapi dia ta' dapat tanah. Jadi kalau boleh di-naikkan umur-nya sampai 45 tahun. Ini kehendak orang ramai, kehendak orang kampung.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun di-chubakan pada mula² ranchangan ini di-jalankan, tetapi di-dapati ada sa-tengah² mereka itu tidak mempunyai kekuatan yang chukup untuk bekerja dengan orang muda, maka ada ranchangan yang tidak berjalan dengan baik, maka dengan sebab itu-lah timbul ranchangan yang baharu di-turunkan umur hingga 35 tahun, tetapi jikalau sa-kira-nya maseh lagi ada tanah yang berlebeh masa umur itu boleh di-lanjutkan hingga beberapa tahun sa-kali pun.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Oleh kerana tanah yang di-beri itu di-sharatkan kepada orang yang sudah ada mempunyai isteri, saya ingin mendapat tahu tanah² itu di-beri atas nama siapa?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tanah itu di-beri kepada nama orang yang memohon, kalau suami-nya itu yang memohon, nama suami, kalau isteri-nya, isteri-lah.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Sa-tahu saya syarat² yang di-beri kepada peserta itu ada-lah terdiri daripada pehak kaum laki², tidak boleh di-benarkan kaum perempuan memohon dalam ranchangan L.K.T.P. Tidak-kah begitu?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Biasa-nya dalam masyarakat ra'ayat Malaysia ini orang laki² yang menchari penghidupan, maka sebab itu orang laki² di-utamakan.

Dato' Dr Abdul Aziz bin Omar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah ketahu bahawa perundingan di-antara Kerajaan Kelantan dengan L.K.T.P. mengenai penubuhan ranchangan L.K.T.P. di-Kelantan telah gagal, boleh-kah kita tahu apa-kah syarat² yang di-kenakan oleh Kerajaan Kelantan kepada L.K.T.P. itu yang menyebabkan kegagalan perundingan itu?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Kelantan memang ber-setuju menerima L.K.T.P. masok ka-sana, tetapi malang-nya tanah yang di-beri itu tidak sesuai dan sedang hendak di-chari tanah yang lain. Nampak-nya perundingan Kerajaan Perikatan dengan Kerajaan PAS sa-rupa-lah susah-nya saperti perundingan Kerajaan Amerika dengan Kominis China menyelesaikan masaalah Vietnam Selatan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah sebab-nya pehak L.K.T.P. atau pun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak memberi dan tidak mahu memberi syarat² bagi sa-saorang peserta itu boleh di-pechat kepada peserta² di-dalam L.K.T.P. itu?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya ta' faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Apakah sebab-nya pehak L.K.T.P. atau pun pehak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak mahu beri atoran² atau pun syarat² yang pehak L.K.T.P. boleh memechat sa-saorang itu kepada peserta² di-dalam kawasan L.K.T.P. itu?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, pada masa mereka itu menandatangani surat perjanjian masok ka-dalam ranchangan, perkara ini semua telah di-ketahui, tetapi jika Ahli Yang Berhormat dapat tahu ada ahli yang tidak mengerti, saya sedia-lah berikan penyata² itu.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab syarat² yang di-kenakan kepada permohonan² lembaga ranchangan ini, orang yang sudah ada mempunyai isteri dan anak, tidak-kah Kerajaan berchadang untuk hendak menamakan tanah itu dengan hak bersama, ia-itu suami dan isteri kerana pernah terdapat sa-bahagian daripada peserta² ini manakala ranchangan telah mengeluarkan hasil, mereka telah mula menchari pasangan baharu yang sesuai untuk di-bawa ka-Majlis² Sukaria, sedangkan isteri yang mula bergotong royong bekerja, berkebun, berdusun, yang sudah mengeluarkan hasil, keadaan rupa mereka daripada tangan yang halus menjadi kasar, kulit yang puteh menjadi hitam, badan yang renching menjadi gemok, sudah di-pandang tak sesuai.

Jadi, dengan sendiri-nya mereka terusir dengan tidak ada mendapat satu hak pun, sedangkan mereka bekerjasama dalam ranchangan itu.

Jadi, ini saya hendak tanya, ada-kah Kerajaan berchadang untuk hendak memberi tanah ranchangan itu dengan nama persamaan ia-itu isteri dan suami.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, perbuatan sa-tengah ahli² peserta ranchangan berkahwin dua, atau pun mendapatkan sa-orang lagi, menunjukkan ranchangan itu sa-benar-nya berjaya dan baik kepada ra'ayat negeri ini.

Tentang chadangan hendak memberikan nama bersama suami isteri, saya fikir muna-sabah juga untuk di-timbangan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukup.

(Masa untuk pertanyaan² bagi jawab mulut telah chukup, dan jawapan² lisan bagi pertanyaan² No. 16 hingga 41 ada-lah di-beri di-bawah ini).

PERSENGKETAAN—PERDANA MENTERI SA-BAGAI ORANG TENGAH

16. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada benar beliau telah di-minta menjadi orang tengah dalam persengketaan antara Pakistan Timor dan Pakistan Barat;
- (b) sama ada Kerajaan² lain telah minta Malaysia menyelesaikan pertikaian antara Pakistan dan India, dan jika ya, namakan Kerajaan² tersebut.

Perdana Menteri:

- (a) Tidak benar.
- (b) Tidak ada.

PAKAR² PENYELIDEKAN DALAM BIDANG PEMBANGUNAN

17. Tuan Haji Ahmad bin Arshad meminta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Kemajuan yang telah di-chapai hingga hari ini mengenai penyelidekan dalam semua bidang pembangunan di-Jabatan Perdana Menteri, oleh pakar²,

Pegawai² Penyelidekan, kalangan suwasta dan badan² sukarela; dan

- (b) Siapa pakar² ini dan bidang² yang di-serahkan kepada mereka.

Perdana Menteri:

- (a) Soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ada-lah terlampau general dan tak dapat-lah saya memberi satu jawapan yang tepat. Walau bagaimana pun, saya suka menyatakan bahawa berbagai² penyelidekan dalam bidang pembangunan telah pun di-jalankan di-Jabatan Perdana Menteri oleh Bahagian Peranchang Ekonomi, Bahagian Kemajuan Pentadbiran dan Pusat Pengajian Pembangunan dan juga oleh Jabatan² lain.
- (b) Banyak-lah pakar² yang terlibat dalam penyiasatan² itu. Sa-lain daripada pakar² dari luar negeri yang di-perolehi di-bawah Ranchangan Colombo, Bangsa² Bersatu dan Yayasan Ford, terdapat juga pakar² di-negeri ini yang telah di-tugaskan menjalankan penye-lidekan dalam lapangan ini.

PAKAR² PENYELIDEKAN—KEMUDAHAN² YANG DI-BERIKAN

18. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Kemudahan² yang di-berikan kepada Pakar² dan Pegawai² Penyelidekan di-Jabatan Perdana Menteri, yang di-tugaskan di-bahagian pembangunan; dan
- (b) Supaya penyata mengenai penyeli-dekan dapat di-keluarkan dengan segera bagi pelaksanaan Kerajaan, sama ada beliau menentukan pakar² yang sesuai, sama ada asing atau tempatan, bagi sa-suatu projek.

Perdana Menteri:

- (a) Kemudahan² yang di-beri kepada pakar² yang bertugas di-Jabatan Perdana Menteri dan juga di-Jabatan² dan Kementerian² lain ada-lah di-tetapkan mengikut perjanjian dengan badan² atau negara² yang memberi pertolongan pakar² itu. Di-bawah Ranchangan Colombo mithal-nya

Kerajaan membayar elaun rumah dan sara hidup dan elaun perjalanan yang sa-rupa dengan pegawai² tempatan. Pakar dari Bangsa² Bersatu tidak melibatkan apa² bayaran elaun melainkan Kerajaan membuat charum di-taksirkan pada hujung² tahun sabanyak 12½% daripada pakar itu. Bagi Yayasan Ford tidak ada bayaran langsung di-kenakan. Kerajaan chuma membayar elaun hitong batu (mileage allowance) sa-rupa dengan pegawai² tempatan yang membuat perjalanan atas tugas² rasmi.

- (b) Di-mana sesuai penyata² yang di-keluarkan akan di-laksanakan. Untuk tiap² tugas atau penyelidekan, chuma pakar² yang berpengalaman sahaja yang di-pilih.

SEKOLAH² UGAMA RA'AYAT— BAYARAN E.P.F. BAGI GURU²

19. Tuan Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah beliau sedar bahawa memaksa sekolah² ugama ra'ayat yang terkenal miskin sumber kewangan-nya, supaya membuat bayaran E.P.F. bagi guru²-nya itu menambahkan lagi kesulitan² yang telah sedia berat kapada pehak sekolah itu sendiri.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya Sekolah² Ugama Ra'ayat dan guru²-nya bukan-lah di-bawah keloalaan Kementerian Pelajaran. Bagaimana pun untuk ma'aluman Yang Berhormat, bayaran charum kapada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau E.P.F. ada-lah di-buat mengikut undang² Employees Provident Fund Ordinance No. 21, tahun 1951 dan pindaan² kapada-nya.

LANGKAH² BAGI MENINGGIKAN TARAF TENTERA MALAYSIA DALAM PENGETAHUAN TEKNIK

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan usaha² dan kemajuan² hingga sekarang bagi meninggikan taraf Tentera Malaysia dalam pengetahuan teknik di-lapangan kelengkapan dengan tujuan memperkuat tentera kita.

Perdana Menteri: Langkah² yang sa-wajar-nya untuk meninggikan pengetahuan teknik dalam lapangan kelengkapan telah pun di-adakan dengan jalan menghantar Anggota Tentera kita untuk menghadhiri kursus² dalam espek ini. Juga Pusat Teknik Pertahanan yang di-tubuhkan di-Kementerian saya sedang menjalankan pengkajian dan siasatan dalam espek ini. Keterangan sa-lanjut mengenai perkara ini tidak dapat saya umumkan oleh kerana sebab² keselamatan.

To raise the standard of our Armed Forces personnel in the use of modern technical knowledge in the field of equipment, a number of our officers have been sent for Courses in this field. Apart from this a Defence Technical Centre has also been set up in my Ministry to carry out research. Further information on this subject cannot be divulged for reasons of security.

PERUNTOKAN WANG KENDERAAN TENTERA MALAYSIA

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Jumlah wang yang di-belanjakan bagi menambah bilangan kenderaan tentera Malaysia sa-hingga Mei, 1971;
- (b) Jenis kenderaan yang di-beli dan sama ada termasuk kereta² kebal dan kereta² perisai; dan
- (c) Jika ia, sebutkan bilangan-nya harga dan dari negeri mana di-beli.

Perdana Menteri: Di-antara bulan Januari, 1969 sa-hingga bulan Mei, 1971 wang berjumlah \$26,215,101.00 telah di-belanjakan bagi menambah bilangan dan mengganti pelbagai kenderaan dalam Angkatan Tentera kita.

Jawapan bagi persoalan (b) dan (c) tidak dapat saya berikan oleh kerana sebab² keselamatan.

Between January, 1969 and May, 1971 \$26,215,101.00 was spent in increasing and replacing the number of vehicles of our Armed Forces.

The answers for questions (b) and (c) cannot be provided for reasons of security.

SURAU² DI-HOSPITAL²— MENYEDIAKAN

22. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orang² Islam yang memenani sanak saudara untuk rawatan di-hospital² di-tanah ayer kita merasa sulit hendak menunaikan fardhu sembahyang di-sebabkan tidak ada tempat² sembahyang di-kawasan² hospital tersebut hingga ada kala-nya mereka terpaksa sembahyang di-kaki-lima; jika sedar, ada-kah Kerajaan berchadang hendak menyediakan tempat sembahyang di-hospital².

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di-atas kesulitan² yang di-'alami oleh orang² Islam menchari satu tempat yang sesuai di-dalam atau tempat² yang berhampiran dengan hospital untuk menunaikan fardhu sembahyang. Hasil daripada kesedaran ini, saya telah meminta satu penyiasatan penoh di-jalankan dan Kementerian saya sedang bekerja rapat dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga Kerajaan² Negeri untuk mengadakan kemudahan² ini di-semua hospital. Sa-hingga ka-hari ini 29 buah surau dan 25 bilek sembahyang telah di-adakan di-dalam hospital kita.

I am aware that some difficulties have been encountered by Muslims finding a suitable place for prayers within or in the vicinity of hospitals. As a result I have asked for a complete investigation to be carried out and my Ministry is now working in close liaison with the Ministry of National and Rural Development and the State Governments to make these facilities available to all hospitals. To-date there are 29 *suraus* and 25 prayer rooms in our hospitals.

SHARAT² PERKHIDMATAN ANGGOTA² ANGKATAN TENTERA MENGENAI ELAUN PERTUKARAN

23. Dato' (Dr) Haji Abdul Aziz bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tiap² anggota tentera yang beristeri, tidak kira pangkat, apabila di-tukarkan dari satu yunit ka-yunit yang lain, di-beri elaun hidup sa-lama 3 hari sahaja di-tempat yang baharu itu dan jika ya, sama

ada Kerajaan akan meminda dan memperbaiki peruntukan² peratoran yang mengawal perkara ini.

Perdana Menteri: Perkara yang di-bangkitkan dalam soalan ini ada kaitan-nya dengan perkara syarat² janji perkhidmatan (terms and condition of service) anggota² Angkatan Tentera kita. Pertimbangan yang sa-wajar-nya kapada perkara ini akan di-beri apabila persoalan tangga-gaji, penchen dan elaun² Anggota² Angkatan Tentera kita di-kaji sa-mula.

The matter raised to in the question is related to the terms and conditions of service of our Armed Forces personnel. Due consideration will be given to this matter when the salary scales, pension benefits and allowances of our Armed Forces personnel are reviewed.

PENGKAJIAN TANGGA-GAJI ANGGOTA² ANGKATAN TENTERA

24. Dato' (Dr) Haji Abdul Aziz bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada ranchangan² telah di-buat untuk mengkaji sa-mula tangga-gaji anggota² tentera, tidak kira pangkat, memandang kenaikan sara hidup, dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini, tidak sa-imbang dengan tangga-gaji sekarang dan bahawa tangga-gaji kakitangan Kerajaan termasuk anggota² polis dan guru² telah di-pinda mengikut Laporan Suffian dan Laporan Aziz masing², jika ya, bila tangga-gaji baru bagi anggota² tentera akan di-luluskan, dan jika tidak sama ada beliau akan mengkaji sa-mula tangga-gaji baru mereka, supaya sesuai dengan Laporan Suffian dan Laporan Aziz.

Perdana Menteri: Satu tangga-gaji baru bagi anggota lain² pangkat Angkatan Tentera telah pun di-luluskan oleh Kerajaan dan dikuatkuasakan mulai 1hb Ogos, 1968. Memandangkan kapada pelaksanaan shor² Surohanjaya Gaji Suffian bagi perkhidmatan Awam dan Surohanjaya Gaji Aziz bagi guru², persoalan mengkaji sa-mula tangga-gaji, penchen dan elaun² anggota² Angkatan Tentera kita ada-lah dalam pertimbangan Kerajaan.

The new salary structure for the other ranks of the Armed Forces was approved by Government and implemented with effect from 1st August, 1968. In the light of the

implementation of the recommendations of the Suffian Salaries Commission affecting the Civil Service and the Aziz Salaries Commission for teachers, active consideration is being given to review the salary structure, pension benefits and other allowances of our Armed Forces personnel.

BADAN UNTUK MENGAWASI KENAIKAN HARGA BARANG² DI-SABAH

25. Tuan Pengiran Tahir bin Pengiran Patera minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan, memandangkan kapada belanja hidup yang tinggi di-Sabah dan ini menyebabkan kesusahan dan beban kapada ra'ayat terutama-nya mereka yang di-dalam lengkongan orang berpendapatan kecil, apa-kah usaha dan langkah² yang sedang dan akan di-ambil oleh Kerajaan Pusat untuk membantu Sabah untuk mengatasi masalah ini dan nyatakan sama ada perlu di-bentuk sa-buah badan di-Sabah untuk mengawasi kenaikan harga barang² yang mahal.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah pun membuat kajian dan menjalankan pemeriksaan di-Sabah ka-atas harga barang² keperluan yang di-laporkan telah naik itu. Dalam penyiasatan itu di-dapati kenaikan harga ada-lah tertumpu kapada barang² yang di-impot seperti susu, mentega, keju, garam dan sa-bagai-nya. Kenaikan harga barang² yang di-impot ini ia-lah di-sebabkan oleh keadaan pasaran dunia dan juga dengan kenaikan harga kos pembuatan di-negeri² daripada mana barang² itu di-impot.

Salah satu dari langkah² yang di-fikirkan patut dan memberi faedah kapada penduduk² negeri ini ia-lah dengan membeli barang² buatan Malaysia. Dengan chara ini bukan sahaja kita akan mengelakkan perbelanjaan yang bertambah tetapi juga akan menolong pengilang² tempatan untuk memajukan perusahaan² mereka.

Di-Malaysia Barat, satu Jawatankuasa Penasihat bagi Harga Barang² Keperluan (The Advisory Committee on the prices of Essential Commodities) untuk mengawasi kenaikan harga barang² keperluan telah di-tubuhkan. Jawatankuasa ini juga membuat chadangan²

kapada Kerajaan akan langkah yang patut di-ambil bagi mengelakkan kenaikan harga barang² itu. Dalam hal ini saya telah mengarahkan pegawai saya di-Sabah untuk menubuhkan satu jawatankuasa sa-umpama ini di-Sabah. Pada pendapat saya badan seperti ini patut-lah di-tubuhkan di-tiap² negeri supaya pengguna² dan juga Kerajaan bersama akan dapat memikirkan chara² untuk menyiasat di-atas kenaikan harga dan jua mengawasi harga barang² keperluan. Badan ini jua akan dapat memberi pandangan yang berguna kapada Kerajaan untuk mengambil langkah² yang perlu.

LANGKAH² UNTUK MENGABADIKAN KEBUDAYAAN IBAN

26. Tuan Tibuoh anak Rantai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apa-kah langkah² beliau telah ambil atau sedang beliau fikirkan untuk mengabadikan kebudayaan Iban.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam lapangan kebudayaan, ada pun tujuan Kementerian saya ia-lah untuk memberi galakan, pimpinan dan penyelarasan kapada kebudayaan tempatan, kesenian, pertukangan, muzik dan derama dan berusaha untuk mengujudkan satu kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kapada kebudayaan bumiputera negara ini. Kebudayaan Iban ada-lah satu kebudayaan bumiputera dan dengan sendiri-nya akan di-abadikan.

KAKI-TANGAN² KERAJAAN DALAM PARTI SIAHAH

27. Tuan Yeoh Teck Chye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada menjadi suatu kesalahan bagi kakitangan² Kerajaan memegang jawatan² rasmi dalam parti siasah; jika ya, ada-kah beliau sedar sa-tengah kakitangan² perkhidmatan awam ada-lah memegang jawatan² rasmi dalam parti Pemerintah.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat mungkin mengetahui bahawa Peratoran 20 dalam Public Officers (Conduct and Discipline) (General Orders Chapter 'D') Regulations, 1969 menegah semua pegawai² Kerajaan

mengambil bahagian dalam politik melainkan pegawai² Kerajaan yang berchuti menunggu persaraan dan mendapat persetujuan Kerajaan. Walau bagaimana pun, memandang bahawa Peratoran itu telah menyebabkan kesulitan² bagi chawangan² parti politik di luar bandar dan di-tempat² yang terpenchil yang tidak dapat memperolehi orang² yang sesuai bagi memimpin chawangan parti di satu² tempat itu, maka Kerajaan telah mengkaji semula Peratoran 20 ini dan telah mengambil keputusan ia-itu pegawai² Kerajaan yang bukan dalam gulungan managerial dan professional group atau anggota² polis dan tentera serta penjara boleh mengambil peranan yang aktif dalam politik dengan syarat mereka mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Pindaan kapada Peratoran 20 itu sedang di-susun dan akan diishtiharkan tidak lama lagi.

PEMBERHENTIAN PEGAWAI² KERAJAAN DI-BAWAH PERENTAH 'AM BAB 'D'—BILANGAN

28. Tuan Yeoh Teck Chye minta Perdana Menteri menyatakan berapa bilangan kakitangan² awam yang telah di-rentikan perkhidmatan² mereka demi kepentingan orang ramai di-bawah perenggan 44, Peratoran² (Perintah 'Am Bab 'D') 1969, sejak peratoran² tersebut di-keluarkan pada 17hb Julai, 1969; nyatakan berapa bilangan pula daripada mereka yang tidak di-beri kesempatan untuk memberi jawapan² terhadap aduan² yang telah di-buat terhadap mereka.

Perdana Menteri: Sejak Peratoran² Pegawai² Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Perintah² 'Am Bab 'D') 1969 di-keluarkan pada 17hb Julai, 1969, 38 orang pegawai awam telah di-tamatkan perkhidmatan mereka atas kepentingan awam di-bawah Peratoran 44. Mengikut peratoran 44, Peratoran² Pegawai² Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Perintah² 'Am Bab 'D') 1969, jika sa-telah penyiasatan di-jalankan ka-atas sa-saorang pegawai itu dan Kerajaan berpuashati bahawa perkhidmatan pegawai itu perlu di-tamatkan atas kepentingan awam, Kerajaan boleh-lah menamatkan perkhidmatan-nya. Kerajaan hanya menamatkan perkhidmatan sa-saorang pegawai itu atas kepentingan awam sa-telah menimbangkan segala aspek dan di-dapati,

jika perkhidmatan-nya di-teruskan, akan membawa ka-arrah kepinchangan perkhidmatan atau pun membahayakan keselamatan negara.

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN— JUMLAH PENUNTUT² YANG LULUS DAN MASOK UNIVERSITI

29. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah penuntut² yang telah lulus Sijil Tinggi Persekolahan pada tahun 1970, dan dari jumlah ini, nyatakan:

- (a) jumlah penuntut² yang masok universiti² di-Malaysia; dan
- (b) jumlah penuntut² yang masok universiti² di-luar negeri.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, sa-ramai 14,377 penuntut telah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan dalam tahun 1970, ia-itu 3,755 mendapat sijil penoh dan 10,622 mendapat "statement".

- (a) Bilangan yang masok ka-Universiti² di-Malaysia ia-lah 3,989. Jumlah ini termasuk-lah juga penuntut² yang sunggoh pun mendapat statement sahaja tetapi memenohi syarat² masok ka-Universiti.
- (b) Saya tidak dapat memberi angka² yang tepat berkenaan dengan penuntut² yang masok ka-Universiti di-luar negeri kerana sa-lain daripada mereka yang membuat permohonan melalui Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam, ada sa-bilangan besar pemohon² yang membuat permohonan terus ka-Negara² yang berkenaan. Bagaimana pun menurut ma'alumat yang ada sa-takat ini, bilangan yang sudah mendapat tempat di-Universiti² di-luar negeri ia-lah sa-ramai 28 orang.

KURSUS² SAMBILAN DAN KELAS² PETANG DI-UNIVERSITI— MENYEDIAKAN

30. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mempertimbangkan untuk memberi kursus² sambilan dan kelas² petang di-Universiti² yang ada sekarang memandangkan kapada kehen-dak² kerahan tenaga manusia.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi pertimbangan berkenaan dengan perkara ini.

LAPORAN SUROHANJAYA DI-RAJA MENGENAI PILEHANRAYA KERA- JAAN TEMPATAN

31. Dr Chen Man Hin minta Menteri Teknolgi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan membentangkan Laporan Surohanjaya Di-Raja mengenai Pilehanraya Kerajaan Tempatan yang di-ketuai oleh Senator Dato' Athi Nahappan di-dalam Dewan Ra'ayat untuk di-kaji dan di-bahathkan, dan sa-lepas itu Pilehanraya Kerajaan Tempatan dapat di-adakan sa-chepat mungkin dan sa-terus-nya menanamkan benih² demokrasi.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Laporan Surohanjaya di-Raja yang di-ketuai oleh Senator Dato' Athi Nahappan itu belum dapat di-bentangkan di-dalam Dewan Ra'ayat untuk di-kaji dan di-bahathkan kerana Kerajaan maseh lagi menimbangkan Laporan itu.

The Report of the Royal Commission headed by Senator Dato' Athi Nahappan cannot be presented in the Dewan Ra'ayat to be studied and debated because the Government is still considering the Report.

BIASISWA² KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI PELAJAR² SARAWAK

32. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa bilangan biasiswa² Kerajaan Persekutuan dan biasiswa² Seberang Laut yang telah di-berikan bagi tahun 1970 dan 1971; daripada jumlah ini berapa bilangan yang telah di-berikan kepada pelajar² Sarawak, untuk kursus² pengajian apa-kah dan ka-mana.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan-nya ada-lah saperti di-bawah:

A. Untuk Tahun 1970

(a) Biasiswa Persekutuan = 645

Untuk pelajar² Sarawak = 48 ia-itu:

9 B. Sc. + Dip. Ed.	di-Kuala Lumpur
5 B.A. + Dip. Ed.	di-Kuala Lumpur
2 Marine Engineering	di-Singapore
2 Marine Officer	di-Singapore
4 Medicine	di-Kuala Lumpur
8 Dental Nursing (Dip.)	di-Pulau Pinang
15 Arts	di-Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3 Science	di-Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

(b) Biasiswa Seberang Laut termasuk Colombo Plan=306

Untuk pelajar² Sarawak=25 ia-itu:

1 Tutor Course	di-United Kingdom
1 Dentistry	di-Canada
8 B. Sc. + Dip. Ed.	di-New Zealand
1 Economic	di-New Zealand
2 Land Surveying Deg.	di-New Zealand
2 Forestry Degree	di-United Kingdom
1 Agriculture and Soil	di-New Zealand
1 Agriculture Chemistry	di-New Zealand
8 Specialist Teachers Dip.	di-New Zealand

B. Untuk Tahun 1971

(a) Biasiswa Persekutuan = 320

Untuk pelajar² Sarawak = 33 ia-itu:

12 B. Sc. + Dip. Ed.	di-Kuala Lumpur
8 B.A. + Dip. Ed.	di-Kuala Lumpur
1 B.A. + Dip. Ed.	di-Pulau Pinang
8 Medicine	di-Kuala Lumpur
3 Perguruan Diploma	di-Kuala Lumpur
1 Diploma Fisheries	di-Singapura

(b) Biasiswa Seberang Laut termasuk Colombo Plan=49

Untuk pelajar² Sarawak=13 ia-itu:

2 Land Surveying Deg.	di-New Zealand
1 B.A. + Dip. Ed.	di-New Zealand
10 Specialist Teachers Dip.	di-New Zealand

PERWAKILAN² PERDAGANGAN KA- NEGERI CHINA—PENYERTAAN AHLI² PEMBANGKANG

33. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan memandang kepada kejayaan Perwakilan Perdagangan Malaysia yang pertama ka-negeri China baru² ini, ada-kah Kerajaan akan menyertakan ahli² dari parti² pembangkang supaya mereka turut dalam Perwakilan² Perdagangan masa depan.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tujuan rombongan perdagangan itu ia-lah untuk menggalakkan perdagangan maka ahli² rombongan tersebut hendak-lah mengandongi mereka yang ada perhubungan terus di-dalam perdagangan tanpa mengira pendirian politik mereka.

PEMBEKALAN LETRIK DI-KAWASAN² LUAR BANDAR DI-SARAWAK

34. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sa-jauh mana pembekalan letrik telah di-jalankan di-kawasan² luar bandar di-Sarawak dan apa-kah langkah² yang sedang di-ambil untuk memesatkan perlaksanaannya, bagi faedah² penduduk² luar bandar.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhan Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak atau SESCO dalam tahun 1962 Perbadanan tersebut telah mengadakan 9 buah ranchangan letrik luar bandar yang bersendirian dan banyak kampong² di-pinggir bandar telah di-bekalkan kuasa letrik. Dasar Kerajaan Negeri pada masa ini ia-lah untuk mengadakan sa-kurang²-nya satu setshen luar bandar di-dalam satu kawasan pada tiap² tahun.

Sa-lain dari bekalan² yang di-beri oleh Perbadanan ini, pada masa sekarang ada 33 buah pembekal awam yang sedang memberi bekalan letrik di-luar bandar.

Kerajaan Negeri pada masa sekarang adalah mengambil perhatian berat untuk mempercepatkan lagi ranchangan bekalan letrik bagi negeri itu tetapi ranchangan ini ada-lah bergantung kepada desakan dan kebolehan penduduk² luar bandar membayar api letrik yang di-bekalkan kepada mereka.

LANGKAH² UNTUK MEMBANTU PENUNTUT MISKIN

35. Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peratus penuntut² di-luar bandar berhenti bersekolah meningkat dengan hebat-nya di-sebabkan kemiskinan dan apakah langkah² yang sedang di-ambil untuk membantu penuntut² miskin ini bagi mengurangkan jumlah peratus penuntut² berhenti sekolah di-dalam bahagian ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa banyak penuntut² di-luar bandar berhenti sekolah. Walau pun kemiskinan ada-lah satu faktor penting dalam masalah ini tetapi tidak-lah bermata² bahawa tiap² murid yang berhenti sekolah itu hanya sa-mata² kerana kemiskinan sahaja. Namun demikian, Kementerian saya sedang menjalankan satu kajian untuk menentukan sebab² murid² di-luar bandar berhenti sekolah. Daripada hasil kajian ini saya akan memikirkan langkah² yang sesuai bagi mengatasi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat tentu sedia ma'alum bahawa Kementerian Pelajaran mengadakan bantuan biasiswa kecil sa-lain daripada mendirikan asrama² dan ranchangan meminjamkan buku² teks.

PEGAWAI² PERKHIDMATAN LUAR NEGERI MALAYSIA—BILANGAN DARI SARAWAK

36. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai ra'ayat Malaysia dari Malaysia Timor terutama-nya dari Sarawak di-dalam perkhidmatan luar negeri dan nyatakan sama ada beliau akan menimbangkan untuk mengambil orang² Malaysia dari Sarawak untuk berkhidmat di-Perkhidmatan Luar Negeri Malaysia.

Perdana Menteri: Sekarang ini ada 3 orang warganegara dari Malaysia Timor, 2 daripada mereka itu dari Sarawak yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri.

Memang-lah hasrat Kerajaan untuk menambah lagi bilangan ra'ayat dari Malaysia Timor dalam perkhidmatan itu. Kerajaan akan memberi perhatian istimewa kepada usaha² ini.

CHAWANGAN BANK PERTANIAN DI-SARAWAK—MENGADAKAN

37. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan membuka chawangan Bank Pertanian di-Sarawak bagi menolong petani² dalam kegiatan² pembangunan dan meninggikan taraf hidup mereka.

Perdana Menteri: Buat sementara ini Bank Pertanian akan memberi keutamaan kepada ranchangan² kredit di-Malaysia Barat. Apabila kemampuan-nya (capacity) bertambah dan ada keperluan tertentu, Bank Pertanian akan mengadakan perkhidmatan-nya di-mana² tempat yang di-kehendaki. Sekarang ini ranchangan kredit di-Sarawak ada di-jalankan oleh Perbadanan Kemajuan Kewangan Sarawak atau Sarawak Development Finance Corporation dalam bidang pertanian, perikanan dan lain².

KAJIAN TENAGA RA'AYAT DI-SARAWAK

38. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan bila-kah Kementerian beliau akan membuat kajian tenaga ra'ayat di-Sarawak.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, di-masa meshuarat Majlis Negeri Sarawak baru² ini, perisytiharan telah di-buat bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Kajian Tenaga Ra'ayat yang juga mengan-dongi di-dalam-nya urusan mengkaji lepasan² sekolah dari berbagai² sekolah di-negeri itu. Saya mendapat tahu bahawa Jawatankuasa itu juga akan memungut perangkaan mengenai² bilangan mereka yang bekerja dan yang menganggor dan mengkaji masalaah² mereka dengan harapan menchari jalan dan chara² mengatasi masalaah² itu.

Hasil² kajian itu akan berguna kepada kedua² Kerajaan, Negeri dan Persekutuan bagi merangka dan meranchang dasar² tenaga ra'ayat.

As the Hon'ble Member is aware, it was announced in the recent meeting of Council Negri of Sarawak that the State Government of Sarawak has recently established a Man-power Survey Committee which will include in its operations a survey of school-leavers from the various schools in the State. I understand that the Committee will also gather statistics on the number of persons employed and those unemployed and study their problems with a view to finding ways and means of overcoming the problems.

The findings of the survey will be useful to both the State Government and Federal Government in manpower planning policies and programmes.

STRATEJI DAN RANCHANGAN² UNTOK MEMBASMI KEMISKINAN

39. Dato' James Wong Kim Min minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimana Kerajaan berchadang untok melaksanakan dasar yang di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong "Bagi menghapuskan kemiskinan di-kalangan mereka yang tidak berada tidak kira asal keturunan mereka," dan
- (b) sama ada Kerajaan juga menchadangkan supaya di-adakan satu ujian ikhtiar atau pun kriteria untok menentukan yang mana orang² yang tidak berada yang patut menerima bantuan.

Perdana Menteri:

- (a) Strateji dan ranchangan² untok mem-basmi kemiskinan tanpa mengira bangsa di-mana yang di-sebutkan dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong ada-lah di-terangkan dengan panjang lebar di-dalam Ranchangan Malaysia yang Kedua yang telah pun di-bentangkan dalam Dewan ini sa-bagai Kertas Perintah No. 28/71. Sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu mem-bacha dengan teliti Ranchangan Malaysia yang Kedua itu beliau akan mengetahui bagaimana-kah Kerajaan berchadang untok melaksanakan cha-dangan Kerajaan itu.
- (b) Oleh kerana ada-lah tujuan Kerajaan untok membantu semua orang yang tidak berada maka tidak perlu di-adakan criteria untok menentukan siapa-kah di-antara orang yang tidak berada itu lebih layak mendapat bantuan.

PENGUNAAN BAHASA KEBANG- SAAN SA-PENOH-NYA DI-MALAYSIA TIMOR

40. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu minta Perdana Menteri menyatakan bila-kah

penggunaan Bahasa Malaysia sa-bagai Bahasa Kebangsaan dapat di-lancharkan dengan sa-penoh-nya di-Malaysia Timor khusus-nya di-Sarawak supaya sa-jajar dengan Malaysia Barat.

Perdana Menteri: Ada-lah menjadi dasar Kerajaan Pusat hendak menggunakan Bahasa Malaysia di-dalam semua urusan² Kerajaan. Akan tetapi berkenaan dengan Negeri Sarawak, mengikut Perkara 161 Perlembagaan Persekutuan, Bahasa Kebangsaan akan hanya dapat di-gunakan dengan sa-penoh-nya untuk maksud² rasmi sa-puluh tahun sa-lepas Hari Malaysia.

Tambahan:

Mengikut Perlembagaan kedua² Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris boleh di-gunakan untuk maksud² rasmi. Sa-kira-nya mana² negeri di-Malaysia Timor berhajat menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa yang tunggal untuk maksud² rasmi, mungkin Badan Perundangan Negeri tersebut boleh membuat ketetapan memohon pindaan kapada perbekalan yang berkenaan di-dalam Perlembagaan.

PERATORAN KEMASOKAN ORANG² MALAYSIA BARAT KA-MALAYSIA TIMOR—PENGKAJIAN

41. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan ada-kah perlu peratoran kemasokan bagi orang² dari Malaysia Barat ka-Sarawak itu di-kaji semula untuk menyenangkan kemasokan orang² yang datang dari negeri² lain dalam Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Akta Imigresen, 1963, kemasokan warganegara² Malaysia ka-negeri Sarawak (melainkan gulongan² yang tertentu sahaja) memerlukan kebenaran Kerajaan Negeri itu. Walau pun perkara Imigresen ada-lah tanggung-jawab Kerajaan Persekutuan tetapi mengikut Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan sa-barang pindaan kapada undang² yang berjalan sekarang memerlukan persetujuan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² (PINDAAN) ODIT

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi Meminda Ordinan², 1957 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Buroh; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

USUL²

TAMBAHAN YURAN MALAYSIA KAPADA BANK ANTARABANGSA UNTUK PEMULEHAN DAN PEMBANGUNAN (B.A.P.P.) DI-BAWAH SEKSHEN 6(1)(c) ORDINAN PERJANJIAN² BRETTON WOODS, 1957

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I beg to move that:

Pursuant to Section 6(1)(c) of the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957, the House resolves that the increase in the subscription of Malaysia to the International Bank for Reconstruction and Development from US\$133.3 million to US\$158.7 million be approved.

The authorised capital of the Bank has recently been increased by the Board of Governors of the Bank from US\$24,000 million to US\$27,000 million, i.e. an increase of US\$3,000 million. This increase was made in order to enable the Bank to admit new members as well as to enable the Bank to have a larger capital for its lending operations to developing countries. Malaysia, as a developing member country of the Bank, would benefit from the increase—in terms of future borrowings from the Bank—and has therefore supported the proposal for the capital increase. As a result of this increase, the subscriptions of all the Bank's member countries would also have to be increased in order to achieve the additional target of US\$3,000 million. Malaysia's share of the increase is US\$25.4 million, thereby increasing her subscription in the Bank from US\$133.3 million to US\$158.7 million.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Pursuant to Section 6 (1)(c) of the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957, the House resolves that the increase in the subscription of Malaysia to the International Bank for Reconstruction and Development from US\$133.3 million to US\$158.7 million be approved.

TAMBAHAN YURAN MALAYSIA KAPADA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA (P.P.A.) DI-BAWAH SEKSHEN 5 AKTA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA, 1960

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that:

Pursuant to Section 5 of the International Development Association Act, 1960 the House resolves that the increase in the subscription of Malaysia in the International Development Association from US\$2,520,000 to US\$2,618,080 be approved.

The Board of Governors of the International Development Association, an affiliate of the World Bank, recently adopted a resolution authorising the Association to replenish its resources for its lending operations by accepting additional subscriptions from its Part I members, which comprise developed countries, and its Part II members, which comprise developing countries. The total additional resources available to the Association under the replenishment scheme would be in the region of US\$2,438.62 million, which is considered to be sufficient to meet the Association's commitments up to 1973. The Association will then adjust the voting rights of these countries in accordance with the total amounts subscribed by them. In order to maintain her present voting position in the Association, and also to participate in this co-operative international effort, Malaysia is required to increase her subscription from the current level of US\$2,520,000 to US\$2,168,080.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Pursuant to Section 5 of the International Development Association Act, 1960 the House resolves that the increase in the subscription of Malaysia in the International Development Association from US\$2,520,000 to US\$2,618,080 be approved.

PERBADANAN KEMAJUAN GETAH MALAYSIA BERHAD

(Malaysian Rubber Development Corporation Berhad)

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That this House, pursuant to Section 8 (3) (d) of the Financial Procedure Ordinance, 1957, resolves that moneys standing to the credit of the Federation with any bank or otherwise held by the Federation may be invested by the Minister of Finance in the equity of, or in the form of loans to the Malaysian Rubber Development Corporation Berhad and such investment together with any interest received therefrom shall form part of the Federal Consolidated Fund.

The Malaysian Rubber Development Corporation Berhad was formed early this year to take over business of the former Malaysian Rubber Development Sendirian Berhad, a company formed by the Malayan Rubber Fund Board. The objectives of the Corporation are as follows:

- (i) to maximise the income of rubber smallholders through the provision of improved processing and marketing facilities; and
- (ii) to strengthen the economy of the Malaysian rubber industry by promoting the production of high quality rubber.

Rubber smallholdings in this country, owing to their size, scattered locations and poor marketing system have not been able, on their own, to benefit from the results of research to produce high quality rubber under the Standard Malaysian Rubber Scheme. Some effort was made initially by the Rubber Research Institute, and subsequently by the former Malaysian Rubber Development Sdn. Bhd., under the direction of the Malayan Rubber Fund Board, to assist the smallholders in this direction by establishing factories to produce new processed rubber under the Standard Malaysian Rubber Scheme.

These efforts, however, are limited in their scale and scope. In order that these efforts can be further expanded and thus assist more smallholders to participate in the Standard Malaysian Rubber Scheme, the Government has decided to form the Malaysian Rubber Development Corporation Berhad, which will be one of the instruments of Government policy in playing a more positive role to supplement the efforts of the private sector in the implementation of the New Economic Policy to improve the livelihood of the have-nots, particularly those in the rural areas.

The Corporation, which has been registered under the Companies Act, will operate as a strictly commercial enterprise for processing and marketing rubber from smallholdings. It has taken over the 5 factories established by the former Company at Grisek, Mentakab, Ulu Langat, Meru and Rantau which are now in production. The Corporation's programme is to build in the next 5 years 28 more factories with a capacity of 10 and 20 tons a day in suitable centres of smallholder rubber throughout the country. When this programme is completed, the factories will be able to provide facilities for slightly more than 25% of the estimated smallholders rubber production, which could thus be converted into high quality rubber. As it gains more experience in this field, the Corporation will expand its programme with the long term aim of providing sufficient facilities for processing and marketing smallholders rubber not catered for by the private sector.

The capital investment required to implement the Corporation's programme, including working capital, is estimated at approximately \$35 million which will be financed by the Federal Government, Malayan Rubber Fund Board, State Governments and possibly more commercial organisations. It is also hoped that eventually the shares of the Corporation could be sold to the rubber smallholders themselves and to the workers of the Corporation. The initial paid-up capital to be provided by the Federal Government as its share of the equity is \$4 million, and this amount is being sought in the Development Estimates, 1971 which will be considered by this House at its current meeting.

The investment in this project is modest compared to the benefits which are likely to accrue. A few facts and figures will prove

this point. Smallholdings account for roughly half of total rubber production. As total rubber production is of the order of 1.2 million tons annually, smallholder production in the aggregate is about 600,000 tons per annum. Crumb rubber, which these factories are designed to produce, should over the long term fetch at least 5 cents more per pound than what the smallholders are receiving today for their rubber. This means that one ton of crumb rubber would bring in an additional return of nearly \$110, i.e. 2,240 pounds $\times$ 5 cents. The additional income for one year will, therefore, amount to 600,000 tons $\times$ \$110, or \$66 million. It will be realised that the injection of \$66 million per annum into the rural areas is not chicken feed by any standard and it should serve to raise rural income significantly.

I am confident that when these factories are fully established and operational, the income of the smallholders will be substantially enhanced by their rubber being marketed as Standard Malaysian Rubber.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul ini sa-ratus-peratus oleh kerana dengan ada-nya kilang² heveacrumb rubber di-seluruh tanah ayer kita dapat-lah kita meninggikan taraf hidup terutama sa-kali orang² new villages dan di-kampung². Pada hari ini orang² tengah telah menekan tengkok orang² kampung dan di-new villages kerana mereka menjual menerusi lesen, orang yang berlesen kechil² ini tadi, getah sekerap sa-kati 15 sen, tetapi dengan ada-nya factory ini nanti di-tubuhkan di-tiap² mukim atau tiap² daerah, scrap rubber ini boleh menjadi rubber atau getah nombor satu dan harganya jikalau 50 sen sa-kati harga getah nombor satu, maka scrap rubber atau lumb-nya atau yang beku itu pun mendapat 50 sen sa-kati juga dan jikalau getah ayer, getah chair itu pun lebih lagi orang kampung atau new villages mendapati-nya. Dengan chara ini saya fikir Kerajaan telah mengambil langkah yang benar, yang benar² untuk menolong orang² China di-new villages dan orang² di-kampung² kita di-seluruh tanah ayer ini. Jadi jikalau hendak di-buat ranchangan ini, saya harap-

lah tidak usah buat sadikit², sekarang ada di-Kapar satu, ada di-Ulu Langat satu, di-cherok nun satu, tetapi jikalau dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua Malaysia ini, saya harap lebeh banyak lagi factory² ini di-dirikan dan jangan benarkan sa-kali² orang² capitalist mencheloh di-dalam perkara industry getah ini, kilang getah di-tubuhkan di-mukim² oleh kerana ini akan menjadi satu competition kapada ranchangan ini nanti dan saya berfikir dengan ada-nya ranchangan bagini, maka Ranchangan Kerajaan Lima Tahun Yang Kedua ini akan berjalan dengan baik dengan ada-nya harga getah ini kita dapat mutu yang baik, maka harga getah pun lebeh baik, orang² kampung dan di-new villages tidak gelisah kehidupan-nya.

Jadi Kerajaan pada lima tahun yang akan datang bukan sahaja untuk membasmikan kemiskinan tetapi hendak membasmikan komunis di-negeri ini maka ini-lah satu jalan untuk membasmikan komunis ini. Jikalau orang² kita, baik orang Melayu dan orang China, orang India di-negeri ini perut-nya lapar, perut-nya kosong, macham mana propaganda Kerajaan pun, macham mana baik propaganda Kerajaan di-gambarkan kapada masyarakat di-Malaysia ini, tetapi kalau perut saya kosong, gambaran ini saya tidak hendak pakai. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, jikalau Kerajaan Perikatan hendak memerintah 10 tahun, 20 tahun, 1,000 tahun yang akan datang maka kehidupan ra'ayat sa-macham ini-lah mesti di-buat bukan sahaja untuk orang² yang ber-tanam getah, tetapi juga orang² yang lain yang menyangkol di-sawah² yang mendapat 200-300 gantang sa-tahun, begitu juga nela-yan² kita sa-lepas merdeka 14 tahun lama-nya rumah-nya bergoyang² juga. Dengan ada-nya Kerajaan membela nasib orang² kampung ia-itu orang² Melayu kebanyakan-nya orang² di-new villages ia-itu yang menjadi warga-negara negeri ini, maka saya perchaya, yakin dan perchaya, Kerajaan Perikatan tidak dapat di-goyang oleh sa-siapa pun, walau pun senjata komunis datang ka-negeri ini dapat kita lawan oleh kerana ra'ayat akan dudok atau menyokong dari belakang dan Kerajaan kita tegap dan tegoh. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya mengambil bahagian untuk menyokong

sama di-atas chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi membolehkan beliau melaborkan wang dalam Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad ini. Kerana sokongan saya ini di-beri ia-lah kedudukan pekebun² kechil di-negara ini sekarang ada-lah sunggoh menduka-chitakan. Kedudukan pertama-nya ia-lah harga getah yang begitu murah yang kita tahu dari sejak akhir tahun enam pulohan sa-hingga ka-awal tahun tujuh pulohan ini maseh belum naik dan keadaan-nya saperti biasa juga. Orang² kampung yang mempunyai getah sadikit luas-nya saperti luas 4 ekar, 5 ekar tidak begitu menchukupi hasil pendapatan-nya untuk menyara hidup mereka. Kedudukan sekarang di-tambah pula dengan perbuatan atau pun memperoses getah yang di-jalankan oleh mereka ada-lah kebanyakan dengan chara lama. Dengan ada-nya Perbadanan ini dan dengan bantuan atau laboran yang akan di-beri oleh Kerajaan di-dalam Perbadanan Kemajuan ini akan dapat membasmikan kemiskinan yang di-rasa² oleh orang² kampung.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya orang kampung kita yang menjadi tuan punya pekebun² kechil ada-lah terdiri daripada mereka yang perlu mendapat bimbingan dari pehak Kerajaan. Keadaan sekarang tidak memuaskan. Bimbingan yang di-beri melalui badan² yang tertentu maseh kita dapati tidak memuaskan, kerana kedapatan kampung² chara memperoses getah ada-lah di-jalankan dengan chara lama dan getah² sekerap yang di-buat oleh mereka ada-lah di-tongkol dengan chara lama dan mendatangkan hasil yang murah di-perolehi oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula dengan chara Kerajaan menaikkan chukai tanah kapada pekebun² kechil daripada sa-tengah negeri \$4.00 kapada \$6.00 sa-tengah negeri lain keadaan-nya sa-tengah daripadanya \$6.00 pergi \$8.00 dan sa-bagai-nya, maka bertambah-lah penderitaan orang² kampung yang sa-hingga ini bersungut, Kerajaan kita tidak berjaya menaikkan harga getah, tetapi Kerajaan kita berjaya menaikkan chukai tanah getah yang di-punya² oleh orang² kampung, yang di-punya² oleh pekebun² kechil. Tuan Yang di-Pertua, kira-nya Kerajaan menyedari benar² akan penderitaan yang dialami oleh pekebun² kechil maka perlaksanaan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia ini hendak-lah di-segerakan dengan sa-

chara yang bijaksana dan dengan chara yang lebih adil di-perengkat Pusat, perengkat Negeri dan di-perengkat daerah². Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa saya tidak mahu Perbadanan ini akan melahirkan orang² yang tertentu di-golongan² yang tertentu akan dapat menjadi penguasa, menjadi ejen bagi-nya di-perengkat² Negeri, di-perengkat² Daerah sedangkan mereka ada-lah tidak begitu alim, tidak begitu banyak pengetahuan dari sudut hal getah ini. Bahkan oleh kerana mereka daripada golongan yang tertentu maka mustahak-lah orang² ini memegang peranan yang tersebut. Jadi saya mahu pihak Kerajaan mengawasi hal ini supaya perjalanan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad ini boleh berjalan dengan lancar dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja peruntukan sa-banyak itu yang kita sokong bahkan lebih banyak lagi perlu di-beri kerana kalau keadaan sekarang sa-tengah masyarakat di-Malaysia kita ini dapat menikmati hasil kemerdekaan ini dengan kenaikan² elaun dari kenaikan² gaji, tetapi masyarakat² di-luar bandar masyarakat² di-kampung² terdiri daripada pekebun² kecil maseh ketinggalan zaman, maseh berada di-takok lama juga yang mana memerlukan bantuan dan bimbingan daripada pihak Kerajaan. Alangkah baik-nya sa-kira-nya Kerajaan bukan sahaja sa-kadar itu tetapi menambah peruntukan lebih banyak untuk kepentingan orang kampung yang sa-bahagian besar menjadi anggota masyarakat di-negara kita Malaysia yang bertuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya ingin menyebut tentang saham yang perlu di-miliki bersama oleh pekebun² kecil di-dalam sharikat Perbadanan Getah Malaysia ini perlu di-beri peruntukan untuk pekebun² kecil ini membeli saham di-dalam Perbadanan ini. Dan alang-kah baik-nya saham itu di-beri dengan sa-chara yang bijaksana, ia-itu mithal-nya dengan potongan sa-chara sedikit². Saya sebutkan bandingan kalau sa-orang pekebun kecil sa-kali menjual getah kepada sharikat ini atau pun ejen bagi sharikat ini di-tempat yang tertentu, maka di-ambil beberapa ringgit untuk di-jadikan saham bagi di-tanam di-dalam sharikat Kerajaan atau pun Perbadanan yang di-bentuk oleh Kerajaan ini dan akhir-nya bertambah banyak-lah pekebun² kecil itu

mempunyai saham-nya di-dalam sharikat atau dalam Perbadanan yang di-kemukakan oleh Kerajaan ini. Dan bukan sa-takat itu sahaja kita akan melateh mereka supaya mereka dapat memimpin sama melalui pelajaran² yang di-beri oleh pihak Kerajaan di-tempat yang mereka berada. Itu-lah yang baik dan perlu di-perhatikan dan di-ambil timbangan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya ingin mengingatkan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia ini yang akan berjalan lebih besar dan lebih hebat sa-telah peruntukan di-beri, sa-telah kebenaran melaborkan ini di-luluskan, ia-lah kedudukan pekebun² kecil di-Pantai Timor yang mana di-sana sungguh kurang pendapatan mereka, dan bertambah pula dengan keadaan sekarang makin bertambah kurang. Apa yang kita dengar ia-lah kalau ranchangan² yang baik banyak sangat di-sumbangkan di-seluruh lain di-mana kedudukan Pantai Timor ketinggalan keadaan seperti biasa dan kadang² Pantai Timor ini cukup ketinggalan hatta sa-tengah² negeri di-Malaysia Timor, ia-itu Pantai Timor ada-lah ketinggalan. Jadi saya minta supaya pihak Kerajaan mengambil timbangan yang wajar agar ejen² Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad ini akan di-tubuhkan di-Pantai Timor dengan sa-banyak²-nya khas-nya di-negeri Trengganu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sa-bagai menyokong chadangan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak membangkitkan tujuh perkara dalam masa-lah getah ini. Pertama sa-kali dengan adanya chadangan ini ada-lah melegakan pekebun² kecil kita, khas-nya pekebun² kecil yang dibawah daripada lima ekar sebab kita tahu sa-lama ini walau pun ranchangan telah di-buat begitu lama, tetapi banyak pekebun² kecil yang belum lagi menyahut ranchangan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang harga getah merosot, chuma pada sa-kati 35 sen, 34 sen atau 36 sen. Getah ini merosot, Tuan Yang di-Pertua

ia-lah kesan daripada lawatan yang tidak rasmi Rombongan Perdagangan kita ka-Tanah Besar China. Jadi, saya mengharap dengan ada-nya perjanjian perdagangan dengan China Kominis hendak beli getah. Langkah ini, ikhtiar ini patut di-atasi. Sekarang kata ra'ayat dengan sebab rombongan kita balek daripada Negeri China, getah kita sudah merosot.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ada satu masaalah dari getah ia-itu lesen menuris dan menyimpan getah. Pada sa-orang tuan tanah di-kenakan satu ringgit walau pun tuan tanah itu ada tiga ekar, walau sa-ribu ekar atau ladang pun di-kenakan satu ringgit. Saya harap bagi pehak Kerajaan menimbangkan mengikut luas-nya tanah di-kenakan lesen kepada mereka ini. Sekarang ladang² besar, ladang² Eropah ini untung. Dia kena hanya lesen menuris getah dan menyimpan getah satu ringgit.

Yang ke-empat, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah getah, lesen membeli getah. Lesen getah keping ini di-kenakan pada satu lesen sa-tahun \$500.00. Kampong di-ulu² sana pun \$500.00. Pada hal hasil-nya getah tidak begitu banyak. Ini saya harap Kerajaan tolong pertimbangkan kepada pelesen² membeli getah di-ulu² bandar supaya dapat di-kurangkan.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah getah ini, ada satu perkembangan baharu. Sekarang bagi pehak pekebun² kechil sa-telah menanam getah dengan baik, dengan baka-nya yang baik, lebeh susu yang baik, lebeh hasil yang baik, tetapi ada satu kumpulan yang menyusahkan pekebun kechil dan ra'ayat luar bandar, ia-itu usaha yang di-buat oleh kumpulan samsing atau pemerang wang. Dia datang kepada pekebun² kechil atau pun pekebun besar yang ada 100 ekar, 200 ekar, minta wang \$100.00, \$1,000.00 atau \$5,000.00 "Kalau kamu tidak beri wang dalam tempoh yang tertentu pokok getah kamu kami akan binasakan". Kebetulan wang itu tidak di-sempurnakan, akibat-nya Tuan Yang di-Pertua, kebun getah yang menjadi hasil negara ini telah di-binasakan oleh kumpulan ini. Kejadian ini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir berlaku di-seluruh tanah ayer kita berhubung dengan kumpulan² yang saperti ini.

Yang ke-enam-nya, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat sahabat saya telah menganjorkan Kerajaan supaya Kerajaan

membanyakkan, mendirikan kilang² yang disebut heveacumb. Ini sangat baik kerana meninggikan mutu getah kita yang dapat dinikmati oleh pekebun² getah kechil. Di-kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada tiga kilang haveacumb. Satu kilang yang di-kekelolakan oleh R.R.I., di-Gersik, sekarang sambutan-nya baik, tetapi yang jadi sulit, Tuan Yang di-Pertua, pengangkutan. Getah yang di-keluarkan daripada kilang ini hendak di-hantar ka-pelabuhan tidak ada pengangkutan. Pengangkutan datang daripada Kuala Lumpur, datang daripada Seremban, pada hal lori² pengangkutan di-tempat itu boleh mengangkut, tetapi Kementerian Pengangkutan di-tahan-nya segala²-nya tidak dibenarkan lesen² Permit A di-keluarkan melainkan kepada MARA. Kesulitan pengangkutan ini satu perkara yang patut di-fikirkan.

Kemudian ada dua kilang haveacumb di-kawasan saya yang di-punya² oleh ladang Eropah. Saya minta oleh sebab ladang Eropah itu di-Malaysia ini supaya dia juga boleh membeli susu pekebun² kechil sa-lain dari susu getah dia sendiri. Dia boleh memelihara susu daripada pekebun² kechil kita, oleh sebab taraf susu estate dengan pekebun² kechil itu sama. Ini satu perkara yang saya fikir patut ladang besar memberi kerjasama, khas-nya kepada pekebun kechil yang berhampiran dengan tempat-nya.

Ahkir-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah getah ini juga. Saya mengharap usaha Perbadanan ini bukan-lah sa-takat di-Malaysia Barat ini, kita luaskan hingga ka-Malaysia Timor, sebab ra'ayat Malaysia itu sama, mereka juga menghendaki kemudahan, kema'amoran dalam bidang perusahaan getah ini. Sekian, terima kaseh.

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): *(Bangun).*

Tuan Yang di-Pertua: Unless you are in opposition—are you opposing the Bill? *(Dato' James Wong Kim Min indicates "No").*

Tun Tan Siew Sin: Thank you, Sir. Tuan Yang di-Pertua, I am very glad to note that Honourable Members from both sides of this House, that is both on the Government and the Opposition benches, fully support this Motion.

I agree with them that this Motion can do a lot of good and, in fact, when I gave this figure of \$66 million additional income at a meeting of the National Consultative Council, an experienced rubber planter told me that my figure was too low—it was too conservative. He said that if the Scheme were properly run, smallholders in this country could well increase their total income by something like \$100 million a year. Anyway there is no doubt that this scheme, if properly run, can probably be the biggest single factor in increasing rural incomes. Speaking for myself, I have, in fact, urged our people to spend money more quickly—this is one of the few occasions when I have asked them to spend more rather than less because I am convinced that this can do real good to our smallholders. Some of the Honourable Members who spoke on this Motion also raised certain problems relating to the smallholder section of the industry. I suggest that these problems should be raised with the Ministry of Commerce and Industry.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

That this House, pursuant to Section 8 (3) (d) of the Financial Procedure Ordinance, 1957, resolves that moneys standing to the credit of the Federation with any bank or otherwise held by the Federation may be invested by the Minister of Finance in the equity of, or in the form of loans to the Malaysian Rubber Development Corporation Berhad and such investment together with any interest received therefrom shall form part of the Federal Consolidated Fund.

**PELABORAN WANG MENGIKUT PER-
UNTOKAN DI-BAWAH PERENGGAN (d)
SEKSHEN KECHIL (3) SEKSHEN (8)
ORDINAN ACHARA KEWANGAN, 1957**

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That this House, pursuant to Section 8 (3) (d) of the Financial Procedure Ordinance, 1957, resolves that the Minister of Finance may invest moneys standing to the credit of the Federation with any bank or otherwise held by the Federation, in the Sharikat Kemajuan Perumahan Pegawai² Kerajaan Sdn. Bhd. in the form of equity or loans, and that such investment together with any interest received shall form part of the Federal Consolidated Fund.

As Honourable Members are aware, the Government has already implemented most of the recommendations of the Royal Commission on Salaries headed by Tan Sri Justice Suffian in respect of the terms and conditions of service of civil servants. One of the recommendations of the Commission is that Government should no longer be liable to provide housing to civil servants and in its place Government should provide loans to civil servants to enable them to build or buy houses of their own. The Commission recognised that one of the difficulties faced by civil servants in building houses is the problem of finding suitable land at reasonable prices, particularly in the large towns. For this reason, the Commission has recommended that Government should assist in acquiring land, and thereafter develop and sell it to civil servants at reasonable prices. In order to implement this recommendation, the Government has formed a company called the Sharikat Kemajuan Perumahan Pegawai² Kerajaan Sdn. Berhad with a capital of \$30 million, and wholly owned by the Government. The reason why a company has been formed is that under the Constitution, the Federal Government can only acquire land for "a Federal purpose", and since acquiring land for the purpose of sale to civil servants who buy it in their capacity as private individuals cannot be construed to be "a Federal purpose" it would be improper for the Government to deal in land without its transactions going through the machinery of the State Government concerned. The Company, however, will be able to deal in land without such a restriction.

The Company, apart from developing land for sale to civil servants, will also assist in constructing houses for civil servants, especially for those in low income groups so that costs can be brought down to the minimum.

The resolution now before the House is to secure its endorsement of the action which the Government has taken to invest a sum of \$30 million in the Company.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

That this House, pursuant to Section 8 (3) (d) of the Financial Procedure Ordinance, 1957, resolves that the Minister of Finance may invest moneys standing to the credit of the Federation with any bank or otherwise held by the Federation, in the Sharikat Kemajuan Perumahan Pegawai² Kerajaan Sdn. Bhd. in the form of equity or loans, and that such investment together with any interest received therefrom shall form part of the Federal Consolidated Fund.

PELABORAN DALAM PENERBANGAN MALAYSIA BERHAD

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir I beg to move:

That this House, pursuant to Section 8 (3) (d) of the Financial Procedure Ordinance, 1957, resolves that moneys standing to the credit of the Federation with any bank or otherwise held by the Federation may be invested by the Minister of Finance in the equity of, or in the form of loans to the Malaysia Airlines Ltd. and such investment together with any interest received therefrom shall form part of the Federal Consolidated Fund.

The purpose of this resolution is to enable the Government, acting through the Minister of Finance, to invest in the equity of, or in the form of loans to Malaysia Airlines Ltd., our new national airline. MAL (as it is known in short) was incorporated on 3rd April, 1971 under the Companies Act, 1965 with an authorised capital of \$100 million. A sum of \$5 million has been sought in the Second Supplementary Development Estimates to provide for the initial operating costs of the Company.

As Honourable Members of the House are well aware, it is the intention of the Government to prepare our national airline to take over MSA operations in respect of its domestic and some international flights after the split of the latter Company at the end of 1972. To this end, it is necessary for the Government to provide a firm financial commitment to MAL in its preparations for the takeover of these operations. In fact, action is being taken to buy new aircraft for the national airline in addition to the aircraft to be acquired from MSA after the split. The Government will invest additional funds in the equity of MAL as well as provide guarantees for loans raised by the Company from domestic and external sources for the purpose of financing its aircraft and equipment purchase programme.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

That this House, pursuant to Section 8 (3) (d) of the Financial Procedure Ordinance, 1957, resolves that moneys standing to the credit of the Federation with any bank or otherwise held by the Federation may be invested by the Minister of Finance in the equity of, or in the form of loans to the Malaysia Airlines Ltd. and such investment together with any interest received therefrom shall form part of the Federal Consolidated Fund.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.20 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.40 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Meshuarat*).

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² OBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentang satu Rang Undang² sa-bagai suatu Akta sa-bagai Meminda Undang² Ordinan Obat (Iklan dan Penjualan) Tahun 1956 di-bacha kali kedua.

Akta Obat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) Tahun 1971, ada-lah bertujuan untuk menggantikan Ordinan No. 81 (Kuasa² Perlu) Dharurat Tahun 1971 yang telah di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, menurut kuasa² dharurat. Kedua² Rang Undang² ini mempunyai kandungan maksud dan tujuan yang sama ia-itu untuk meminda beberapa sekshen tertentu yang terdapat dalam Ordinan Obat (Iklan dan Penjualan) Tahun 1956 sa-bagai mengetatkan lagi kawalan² terhadap penjualan dan pengiklanan obat².

Pindaan ini telah di-buat sa-telah Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa Ordinan asal ia-itu Ordinan Obat (Iklan dan Penjualan) Tahun 1956 tidak lagi menchukupi dan sesuai untuk memenohi keperluan² dan obatan² yang ada sekarang. Pada tahun² lalu, terdapat surat² khabar tempatan, majallah² dan chara² penyebaran lain² menyiarkan iklan² yang bertujuan untuk menjadi daya penarik bagi orang ramai mendapatkan obat² atau rawatan² dari pengiklan bagi menyembuhkan penyakit² benchana kelemahan dan keadaan² lain. Pada hal si-pengiklan itu tidak mempunyai kelulusan dan pengalaman perobatan yang di-akui. Ini sudah tentu-nya menimbulkan bahaya² besar kepada orang² ramai yang di-pengaruh oleh kenyataan² palsu di-dalam iklan² itu yang tidak mengetahui bahawa sa-bahagian daripada penyakit² dan lain² yang di-sebutkan dalam iklan² itu hanya-lah boleh di-rawati dengan sempurna oleh doktor² atau pakar² yang ber-kelulusan. Sunggoh pun Ordinan Obat (Iklan dan Penjualan) Tahun 1956 melarang pengiklanan mengenai obat² atau benda² lain untuk menyembuhkan beberapa jenis penyakit² tertentu, maseh banyak lagi penyakit² yang lain yang wajib di-masokkan ka-dalam senarai ini.

Oleh kerana itu Sekshen 3 di-dalam Ordinan ini ada-lah di-pinda bagi menchapai tujuan² itu. Dalam pada itu sekshen yang baharu telah di-masokkan bagi melarang sa-saorang itu membuat iklan yang ada kaitan-nya dengan kemahiran, atau perkhidmatan berkenaan dengan rawatan bagi apa² penyakit pun. Ordinan asal juga hanya-lah menghendaki supaya bahan² yang di-gunakan di-dalam obat² moden sahaja di-bentangkan di-dalam lebel²-nya supaya di-ketahui umum, tetapi obat² asli di-kechualikan daripada syarat² ini. Pengechualian itu di-anggap tidak lagi sesuai oleh kerana obat² asli juga boleh di-buktikan mendatangkan bahaya kepada kesihatan umum. Syarat² itu patut-lah dikenakan juga kepada obat² asli lain sa-bagai satu langkah menchegegah dan oleh itu pengechulian itu telah di-batalkan.

Dewan Ra'ayat ini di-minta meluluskan Akta Obat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) Tahun 1971 supaya Ordinan No. 81 (Kuasa² Perlu) Dharurat Tahun 1971 dapat di-masokkan sa-bagai satu undang² yang kekal.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):

Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberi sanjongan yang tinggi kepada Menteri Kesihatan yang telah membentangkan Rang Undang² ini demi untuk kepentingan ra'ayat jelata yang sa-lama ini tertipu dengan iklan² yang di-buat oleh pehak² yang menchari keuntongan di-dalam tanah ayer kita ini. Di-atas kesedaran dan keinsafan yang ada kepada pehak yang berkenaan dalam merangka Rang Undang² ini ada-lah satu perkara yang sangat² di-kehendaki oleh penduduk dalam negeri ini.

Walau pun mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi bahawa kita sudah pun mempunyai suatu undang² ia-itu Undang² Obat bagi tahun 1956, tetapi bagi mereka yang ingin menchari kekayaan dengan chara menipu sedikit sa-banyak orang ramai, mereka telah chuba melanggar beberapa syarat yang ada di-dalam undang² tahun 1956. Walau pun di-dalam Rang Undang² yang di-bentangkan pada hari ini ternyata tentang beberapa perkara yang di-sharatkan di-dalam-nya. Tetapi, walau bagaimana pun oleh kerana maseh ada orang² yang menjual obat ini ingin melariskan obat-nya dengan chara tipu helah, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya menyiapkan pegawai² yang boleh mengawal kedudukan penjual² obat ini supaya mereka tidak lagi boleh menchari lobang² yang kechil dari kelonggaran yang ada nanti dapat menipu ra'ayat di-dalam tanah ayer kita ini.

Sa-sunggoh-nya, Dato' Yang di-Pertua, soal perubatan ini ada-lah satu perkara yang mustahak dan bagi sa-saorang yang sakit apabila sahaja melihat di-dalam iklan-nya bahawa ada obat yang boleh menyembuhkan penyakit-nya dan iklan itu dengan bentok², atau dengan chara yang menarek menyebabkan orang yang sudah puas menchari obat chara membeli ini, lekas dia tertarek dengan iklan² tadi. Maka sebab itu-lah saya katakan bahawa Rang Undang² yang di-bentangkan pada hari ini ada-lah merupakan satu rahmat dan nikmat kepada ra'ayat negeri ini yang sa-lama ini tertipu dengan berbagai² iklan dari segi perubatan dan saya rasa tentu-lah semua Ahli² dalam Dewan ini, pada hari ini, akan bersetuju dengan saya bahawa satu penghormatan patut di-beri kepada Menteri Kesihatan di-dalam merangka Rang Undang² ini. Sekian, terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sa-penoh²-nya Rang Undang² ini yang di-bawa oleh Menteri yang bijaksana. Saya menyokong oleh kerana bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Besut mengatakan tadi, tetapi satu perkara barangkali Menteri Kesihatan tahu atau tidak tahu, satu penyakit telah di-bawa ka-negeri ini. Penyakit-nya tidak ada obat-nya. Penyakit ini ada-lah timbul-nya daripada penyakit yang datang daripada kelapa bali, kelapa sawit—oil palm estate. Penyakit ini ia-lah satu penyakit yang baharu. Kalau kena penyakit ini tidak ada obat-nya. Jadi kalau ada orang membuat iklan untuk penyakit ini saya beli juga-lah kerana saya kena penyakit ini, mithal-nya. Penyakit ini ada-lah kerana ada orang yang untuk hendak merachun tikus ini, kerana kalau ada tikus di-dalam oil palm estate, habis buah² kelapa bali ini di-makan tikus dengan sebab itu pada masa dahulu orang Inggeris letakkan ular sendok (cobra) supaya memakan tikus ini tadi, tetapi ini ada-lah membahayakan kapada orang² yang mengambil buah itu tadi. Dengan sebab itu di-bawa-lah daripada Taiwan satu jenis obat di-letakkan dalam kelapa bali ini konon-nya untuk di-makan oleh tikus kerana tikus sukakan obat ini. Apabila tikus ini mati memakan obat ini, maka kuman² yang keluar-nya daripada obat ini tadi—obat ini menjadi kuman pula, saya pun tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi konon-nya, apabila lalat, entah apa-kah saya tidak tahu, ini terpaksa-lah Menteri Kesihatan menyiasat-nya, kemudian chaching ini masuk ka-dalam kulit manusia, apabila masuk ka-kulit manusia ini, kulit manusia menjadi panas, sa-panas²-nya sakit, chukup sakit. Saya dapat peluang menengok perkara ini oleh kerana pergi ka-Assunta Hospital, di-Assunta Hospital dimana anak saya sakit, jadi sa-belah itu saya berchakap, apa penyakit-nya. Dia kata, penyakit-nya luar biasa sangat, kerana Menteri Kesihatan, kata-nya, tidak menyekat obat ini datang ka-Tanah Melayu, ka-Malaysia. Jadi dengan sebab itu penyakit ini timbul, tidak ada obat, chuma ada satu botol. dia kata, obat ini di-terbangkan daripada Singapura, di-injek orang ini. Jakalau penyakit ini merebak, merebak, susah-lah, Menteri Kesihatan terpaksa bertanggung-jawab. Jadi saya harap-lah kapada Menteri Kesihatan untuk menyelidik di-atas perkara ini sa-belum epidemic penyakit ini merebak ka-seluruh ra'ayat kita tidak dapat kita bekerja oleh kerana panas, sakit,

gatal, serba-serbi. Jadi itu-lah sahaja dan saya sokong-lah Rang Undang² yang di-bawa oleh Menteri yang bijaksana tadi.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh Rang Undang² yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita. Di-samping itu suka juga saya menambah sedikit pendapat saya ia-itu pada masa ini ada beratus² quack ya'ani orang yang tidak berkelulusan menjalani dari satu kampung ka-satu kampung memeriksa orang sakit konon-nya dengan menggunakan stethoscope, perkakas yang saperti ini.

Sa-lepas di-periksa di-chuchok pula dengan syringe yang mudah sahaja di-dapati, ia-itu di-tempat saya di-sabalah Siam senang sahaja—obat pun senang dapat macham² obat, kadang²-nya di-chuchok dengan obat² yang tidak memberi mudharat saperti ayer sejok tetapi kerap kali ada juga di-chuchok dengan obat² anti-biotic yang sudah lama dan tidak lagi boleh memberi kesan apa² pun melainkan memberi kemudharatan. Maka akibat daripada ini banyak-lah orang² kampung yang terpedaya, ada sa-tengah saperti kata saudara saya tadi mendapat penyakit gatal² dan panas di-badan atau sa-tengah-nya mati terus, maka Polis pun apabila mati, mengambil tindakan.

Akan tetapi apa yang saya fikir molek ada-lah Dewan ini membuat satu ketetapan atau satu Rang Undang² membolehkan Polis atau pehak yang berkuasa menahan dan menangkap sa-siapa yang mempunyai syringe atau stethoscope dengan tidak berlesen atau ada qualification untuk mempunyai barang² ini.

Jikalau Polis hendak menangkap mereka itu masa mereka membuat kesalahan saperti tengah menchuchok dan sa-bagai-nya tentulah susah mendapat, kerana apabila mereka itu tahu sahaja Polis atau pehak yang berkuasa akan datang ka-tempat itu, semua-nya akan lari tidak lagi dudok di-situ. Maka dengan sebab itu-lah, saya minta, kalau boleh, chuba-lah gubalkan satu Rang Undang² supaya membolehkan pehak Polis menangkap mereka yang mempunyai barang² yang di-sebutkan tadi saperti juga mempunyai pistol dan senjata api yang lain.

Maka dari situ juga saya suka menarek perhatian Dewan ini pada kelmarin-nya salah sa-orang sahabat saya memberi tahu, moleklah Hospital Assistant yang sudah bekerja 20 tahun di-berikan lesen menjadi doktor. Ini tidak ada lesen pun sudah beratus² menjadi doktor, tambah di-beri lesen pula, saya fikir, tentu akan menjadi beribu pula menjadi doktor palsu. Sekian sahaja saya harap Dewan ini akan mengambil perhatian. Terima kaseh.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara):

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama² mengalu²kan Rang Undang² Obat Iklan dan Penjualan yang di-bentangkan oleh Menteri yang berkenaan. Dengan ada-nya Rang Undang² ini, maka akan dapat-lah kita menyekat berbagai² iklan atau penjualan obat² dengan chara yang palsu dan tidak bertanggung-jawab yang merosakkan kesihatan orang ramai.

Hanya satu perkara sahaja yang saya hendak mengingatkan kapada Menteri yang berkenaan untuk mendapat timbangan yang saksama ia-itu ada-nya obat² yang lebeh membahayakan orang ramai, umpama-nya obat berahi yang di-datangkan daripada negeri jiran yang sekarang ini berleluas penjualan-nya di-Ibu Kota Kuala Lumpur ini, bukan sahaja di-Perlis, di-Penang, di-Singapura, tetapi juga berleluas di-Ibu Kota Kuala Lumpur ini. Choklat berahi, pil² dan lain² lagi, termasuk morphia dan sa-jenis hisapan yang paling dahshat sa-kali sa-lain daripada chandu dan morphia ia-lah yang di-sebutkan capsule. Ini capsule yang bukan sahaja menyebabkan sipenghisap itu kurus kering, tetapi menyebabkan badan-nya bertambah lemah dan ada diantara-nya yang mati akibat menghisap jenis hisapan² sa-bagaimana yang saya sebutkan itu. Jadi perkara² ini, saya rasa tidak ada lagi sekatan² sa-chara penyeludupan chandu, penyeludupan beras dan penyeludupan barang² lain seperti bee hun dan lain² lagi, tetapi penyeludupan sa-bagai ini berjalan dengan sa-chara berleluasan melalui negara jiran kita.

Jadi, saya berharap-lah pehak group kesihatan juga akan dapat mengawal hal ini ia-itu menjalankan pemereksaan yang lebeh rapi kapada pelanchong² yang datang ka-negeri jiran dan mengadakan penyiasatan yang rapi juga di-kedai² obat yang ada dalam negeri ini terutama sa-kali di-Ibu Kota Kuala

Lumpur ini. Dan penjualan obat² yang melalui iklan², penjualan² di-tepi jalan dan sa-bagai-nya, lebeh² lagi penjualan obat² yang berada di-tepi² stall di-tepi² kedai di-kaki lima yang ada selalu alat² untuk memberahi diri dan alat² untuk memuaskan nafsu yang mana alat² itu, obat² itu atau pill yang saya sebutkan itu akan merbahaya sa-penoh-nya. Bukan sahaja perkara ini membawa mudharat kapada orang² dewasa, tetapi sa-panjang pengetahuan saya perkara² ini membahayakan bagi pehak gadis² dan pemuda² belasan tahun yang menggunakan jenis² obat saperti Spanish fly dan sa-bagai-nya untuk memberahi dan ada saya dapati, saya dapat tahu bahawa ada di-antara kelab² malam yang telah menggunakan alat² ini untuk memberahi pemuda², belia² yang belasan tahun untuk turut sama, bersuka ria dalam majlis tari-menari dan sa-bagai-nya. Ini kedapatan bukan sahaja di-kelab² malam, tetapi boleh jadi penyiasatan ini hendak-lah di-sambong sama kapada pemuda² atau pun kanak² atau penuntut² yang belajar di-kelas malam. Sa-patut-nya penuntut² itu pulang pada waktu pukul 10 atau 11 malam, tetapi penuntut² ini saya dapat tahu oleh sebab terkena penyakit² obat berahi ini sa-hingga balek jauh² malam. Apa yang di-sebutkan kapada ibu bapa-nya kalau pulang jauh² malam, kata-nya kelas berjalan sampai tengah malam. Jadi perkara² ini patut di-adakan penyiasatan lebeh teliti dan rapi supaya penyakit² yang sa-rupa ini yang akan membunuh jiwa dan perasaan pemuda² dan orang ramai hendak-lah di-atasi dengan sa-keras²-nya.

Dr A. Soorian (Port Dickson): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I support this Bill, but we feel that this Bill should have been introduced long ago. It is a good safeguard against exploitation of the simple-minded public by ruthless people. However, I feel that some of the Clauses need clarification as there is a sense of vagueness about them. Section 3 of the Schedule states:

“(1) Subject to the provisions of this Ordinance, no person shall take any part in the publication of any advertisement referring to any article or articles of any description, in terms which are calculated to lead to the use of that article or articles of the description as a medicine for the purpose of—

(a) treatment of human beings for any of the following diseases and conditions, namely diseases of kidney, diabetes, epilepsy or fits, paralysis, tuberculosis, asthma, leprosy, cancer, deafness, dangerous drug addiction, hernia or rupture, diseases of the eye, hypertension, mental disorder, infertility, frigidity, sexual function or impotency;"

I feel that this list is not quite comprehensive, because if a quack is bent on getting around the law he could, I suppose, advertise for other bodily ailments like rheumatism, weight-reducing drugs, drugs to induce youthfulness; rejuvenation courses to prevent senility, pimples, aches; and drugs to combat drunkenness—to make you sober once again after a heavy night—biliousness (after a heavy meal), indigestion, piles, fistula and other recto-anal diseases. So I wonder whether our Honourable Minister would clarify the position of people who would want to advertise this type of sideline measures to combat ailments.

Then Section 3 (b) prohibits advertisements on "practising contraception among human beings." In connection with this, I wonder whether bodies like the Family Planning Board and others are involved.

Section 4A of the Bill reads:

"Subject to the provisions of this Ordinance, no person shall take part in the publication of any advertisement referring to any skill or service relating to the treatment of any ailment, disease, injury, infirmity or condition affecting the human body so as to induce any person to seek the advice of the advertiser or any person referred to in the advertisement in connection with such skill or service."

In connection with this Section of the Bill, I would like to know whether massage parlours are included in this category, for massage parlours and masseurs profess to cure back-aches and sacroiliac strains, pinggang sakit, and the allied conditions. If I remember correctly, one of our former Ministers when he was opening a school in my constituency of Port Dickson declared that Port Dickson is a very dull place because there are not enough massage parlours around. (*Ketawa*) So, in the light of this, I feel this Bill is at cross-purposes to that intention, and I feel that this Bill should be

expanded upon and preventive measures also should be implemented. For instance, smoking is contributory to so many diseases like chronic bronchitis, high-blood pressure, heart disease, peptic ulcers, cancer, and so on. So I wonder whether the Minister will consider, through the mass media, eradicating the advertisement of cigarettes and tobacco.

Another misleading device used by people who want to push their products is simulating a doctor on T.V. and so on. For instance, you do have T.V. advertisements where a man is dressed in white overalls holding a certain foodstuff or drug saying, "This is good because it contains such-and-such vitamins." So the public is misled because the person representing the product advertised is supposed to be a doctor and the doctor's word is more or less taken without question. So I hope the Minister would look into this as well. Another thing that is quite commonly practised is that certain drugs like Aspirin and Disprin are simply pushed onto the people as a cure for all ailments and so there is an abuse of these drugs. Aspirin is a dangerous drug and if taken in quantities can produce gastric haemorrhages and even death. Therefore I think that such drugs should be restricted and blatant advertisements should be stopped.

With regard to the implementation of the Bill, I think there must be proper vigilance kept and staff should be trained to look into apprehending the culprits and unless there is proper enforcement, I am afraid, Mr Speaker, Sir, that the spirit and intent of this Bill will be defeated. Thank you.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan satinggi² terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat, terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Besut; segala ucapan tahniah di-pulangkan kapada pegawai² saya dan Parliamentary Draughtsman yang telah menyiapkan Rang Undang² ini dan saya menguchapkan terima kaseh atas segala sokongan daripada pihak Pembangkang. Kalau ia sokong banyak dari sana barangkali ia susah juga, tetapi yang berchakap akhir ini, Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson, dia tidak tahu, dia loyar atau doktor, saya ini loyar barangkali dia doktor (*Ketawa*). Sama²-lah saya ambil ingatan. Kalau sudah sokong pada dasar-nya, saya ambil ingatan dan perkara ini dalam Jadual kalau ta' salah saya akan

di-taroh dari alif sampai nya; A to Z any more medicine that is coming out at the time of decision we will have to add the list in the Schedule and that is the idea of the Schedule but I can't afford to give an impromptu reply. Saya ucapkan berbanyak terima kaseh-lah atas ingatan dia, tetapi ini rumahurut² ini siapa pun boleh urut (*Ketawa*). Kalau dia urut, dia mengaku dia jadi expert urut, kalau dia ta' expert—itu tipu, tentu salah besar, tetapi ini orang hendak buka rumah urut, dia ada lesen, dia ada sharat², semua sa-kali itu sa-belum ia dapat lesen perkara itu di-rujukkan kepada Health Officer kita, kita tengok ia healthy atau tidak dan lain² lagi, tetapi saya suka mengingatkan kepada sa-orang wakil yang membawa fasal minyak kelapa sawit.

Saya harap sahabat saya itu kalau boleh bawa orang itu, kita boleh buat research, kita boleh adakan research penyakit itu dalam I.M.R. dan kita ada pakar kulit. Boleh jadi kita boleh dapat satu obat yang paling baharu sa-kali dalam dunia. Kita boleh gunakan obat ini bukan di-Malaysia sahaja tetapi di-seluruh dunia. Ini buat satu kekebalan Malaysia di-dalam mendaftarkan obat baharu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang bertanggungjawab boleh-lah bertanya kepada doktor di-Assunta Hospital.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan berhubung, tetapi saya beri pandangan kerana di-dalam sakit kusta kita telah mendapat satu injection daripada minyak kelapa yang kita sendiri mendapatkan itu dan telah mashhor sekarang di-gunakan di-mana² juga. Ini menunjukkan kita Malaysia juga ada pakar² yang boleh dapatkan obat baharu. Maka ini satu chara juga kita menunjukkan kebolehan kita orang² Malaysia. Yang demikian tolong-lah juga kepada Menteri Kesihatan ini atas segi research. Saya ucapkan terima kaseh banyak-lah. Saya akan ambil ingatan atas segala²-nya, terutama sa-kali pegawai² yang akan menjalankan kerja² ini tentu bekerjasama dengan pehak Polis bagaimana Ahli² Yang Berhormat telah tengok di-Ipoh dahulu, di-Kuala Lumpur, serangan² banyak di-jalankan di-tempat² yang di-shaki dan ini hari pun surat² khabar pun ada masok editorial tentang merbahaya-nya obat² palsu

kapada ra'ayat yang menggunakan-nya dan mereka yang ta' tahu obat itu obat palsu. Sa-kali lagi saya ucapkan terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PEMBASMI MALARIA

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk memben-tangkan satu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pembasmian malaria.

Malaria saperti yang di-ketahui oleh orang ramai ada-lah penyakit yang merbahaya di-kalangan ra'ayat negara kita di-Malaysia ini terutama sa-kali penduduk² di-luar bandar. Tiap² tahun lebeh kurang 500 ribu orang di-negara ini telah di-serang oleh penyakit malaria dan akibat dari ini mereka mendapat kerugian dan ta' dapat juga bekerja dan pesakit² malaria kehilangan mata pencharian, maka ini dari segi ekonomi tentu-lah memburokkan ekonomi negara dan juga pehak Kerajaan kerana merawat orang² yang kena sakit malaria. Ini ia-lah satu kerugian yang besar juga kepada negara dan ini juga akan melibatkan banyak projek² di-luar bandar di-sebabkan dengan ada-nya malaria² di-tempat² yang hendak di-buka, terutama sa-kali di-kebun² yang baharu. Maka kerugian² ini adal-ah di-anggarkan, yang merana sakit demam kura ini lebeh kurang lima ratus ribu. Kalau di-kira dengan perbelanjaan doktor-nya hendak di-obat bagitu bagini lebeh kurang dalam \$14,000,000.00 tiap² tahun. Ini kerugian

negara. Sa-kira-nya ekonomi negara ini perlu di-pertingkatkan dan sa-kira-nya kemiskinan mesti di-hapuskan, maka chita² Kerajaan kita dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini, maka hendak-lah di-hapuskan sama sa-kali malaria ini daripada kadang² bermaharajalela di-luar² bandar, terutama sa-kali penduduk² luar bandar yang akan menderita, tetapi di-dalam bandar ada juga yang kena malaria juga, tetapi walau macham mana pun Kementerian Kesihatan dan Bahagian Anti-Malaria-nya akan menjalankan kewajipan-nya sa-berapa daya dan sa-berapa boleh menghapuskan, terutama sa-kali di-dalam bandar² yang telah di-kontrol dan di-bawah jagaan kebanyakan daripada Municipality atau pun Town Councils dan lain² lagi badan² yang mesti bekerjasama. Oleh kerana itu sangat-lah penting dan mustahak sa-bagai negara Malaysia ini, sa-bagai Kerajaan dan Ahli² Yang Berhormat sekali menimbangkan, menyokong penoh chara menghapuskan penyakit merbahaya ini ia-itu malaria. Berdasarkan kapada prinsip ini, maka kita telah melancharkan ranchangan membasmi malaria.

Tuan Yang di-Pertua, untok menjayakan ranchangan ini kita menggunakan obat DDT untok di-semborkan di-tiap² dalam dinding rumah yang di-luar bandar, terutama sa-kali tempat² yang banyak keadaan nyamok yang membawa kuman malaria ini dan penyemboran ini hendak-lah meliputi semua bahagian di-dalam rumah kerana denga demikian sahaja-lah kita dapat mematahkan penjangkitan penyakit ini dengan membunuh segala² nyamok yang hendak membawa kuman² malaria. Apabila nyamok sudah mematok orang hingga penoh dengan darah, dia mesti hinggap di-dinding² maka dinding dengan ada DDT yang di-sembor apabila dia hinggap sahaja, dia kena bau DDT itu dengan sendiri dia pun pitam jatuh, mati terus. Sebab itu di-bawah katil pun hendak di-sembor DDT. Belakang almari pun hendak sembor DDT. Kalau nyamok ini ta' mati, orang itu nanti mati pula, sebab malaria ini kalau kuman-nya sudah naik sampai ka-otak, cerebral malaria, no hope—question of time—tidak ada harapan, tunggu mati sahaja.

Maka ini-lah yang saya katakan perkara ini perkara national, perkra besar dan saya harap Ahli² Yang Berhormat, terutama sa-kali daripada pehak Pembangkang, kalau dia bangkang, nanti tempat kawasan-nya yang

penoh dengan malaria, saya lagi suka. Mereka ta' masok rumah ini lagi, saya ta' ada peduli kerana pengundi² akan mati kena sakit malaria.

Maka ranchangan pembasmian malaria ini ada-lah satu daripada projek yang terbesar dalam Kementerian Kesihatan ini dan akan memakan belanja lebih kurang \$85 juta dalam masa 14 tahun. Ini \$85 juta Kerajaan kita memperuntukkan \$50 juta, saya mesti chari daripada mana negeri sahabat ini \$35 juta dengan chara berunding dan hutang atau pemberian. Menteri Kewangan kita bukan main susah lagi fasal hendak menghapuskan malaria kerana makan banyak belanja. Semenjak ranchangan ini di-lancharkan 4 tahun dahulu sa-banyak 570,652 buah rumah telah di-sembor dengan ubat DDT dan sa-banyak lebih kurang 2,787,836 penduduk² telah di-beri perlindungan dari anchaman penyakit malaria yang merbahaya itu. Dari data² yang di-perolehi daripada kawasan² yang di-jalankan semboran kes² malaria telah mulai beransor kurang saperti di-Perlis. Tahun 1967 sa-belum semboran di-jalankan ada 600 kes malaria dan sa-lepas di-sembor DDT pada akhir tahun 1970 hanya tinggal 24. Saya harap tidak ada terus. Bagitu juga angka² kes malaria telah berkurangan di-negeri² yang lain, oleh itu perbelanjaan untok menghapuskan penyakit ini ada-lah terlalu besar dan kita hanya-lah dapat mengadakan semboran dengan obat DDT. Obat DDT ini apakala di-sembor kapada dinding² rumah akan meninggalkan serbok² yang puteh itu dan ada juga penduduk² yang menolak penyemboran obat DDT ini. Bagi mereka² yang tidak suka kapada obat tepong ini, Kementerian saya akan berusaha chuba menolong mereka yang boleh; pada tuan² punya rumah barangkali yang besar² yang baharu, dinding-nya tidak mahu hendak kotor boleh-lah dia beli minyak yang di-katakan "emulsion" harga-nya mahal, tetapi kita boleh tolong semborkan perchuma sahaja. Tetapi kalau hendak suroh Kerajaan bagi perchuma segala²-nya tentu tidak dapat. Kalau pun DDT \$85 juta untok 14 tahun perchuma kita beri kapada orang luar bandar memang susah keadaan-nya, tetapi kalau ada rumah yang baik² mereka tidak mahu pakai DDT, mereka boleh beli emulsion, kita boleh tolong semborkan asalkan dia mahu kerjasama. Ini pun effect-nya sama juga, tetapi harga-nya 4 atau 5 kali ganda. Itu-lah sebab-nya saya terutama sa-kali

memberi akuan di-Rumah Yang Berhormat ini supaya mereka² yang mampu yang rumah-nya tidak mahu hendak di-semboi dengan DDT mereka boleh semboi dengan emulsion, syarat-nya dia beli obat² itu sendiri.

Untuk pengetahuan Dewan ini, tidak ada perbezaan antara obat tepong DDT dengan emulsion tentang kuasa-nya dari segi kuasa membunuh nyamok yang membawa kuman malaria ini. Harga emulsion di-katakan tadi terlalu mahal, sebab itu Kerajaan tidak mampu hendak membagi tiap² rumah orang dengan emulsion ini. Saya suka memberi contoh sa-buah rumah dengan DDT, dengan obat belanja semboi ini \$3 sa-buah rumah, kita semboi tiap² 6 bulan sa-kali kalau satu million rumah kita mahu semboi di-dalam tempoh 4 tahun, ini sudah 6 million ringgit bukan sedikit duit-nya. Kalau mahu semboi dengan emulsion barangkali 5-6 kali ganda. Kalau duit orang ramai hendak di-gunakan pada hendak menolong orang yang mampu hendak menjaga rumah dia berse, tentu-lah salah pada peratoran-nya. Orang² yang mampu dia boleh mampu beli barang yang dia hendak, kita boleh tolong barangkali hendak jalankan kerja dia itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya minta-lah kerjasama dari semua pihak khas-nya dari Yang Berhormat Wakil² Ra'ayat dalam Dewan ini bukan sahaja untuk meluluskan Undang² ini bahkan untuk memberi kerjasama mereka yang sa-penoh-nya di-dalam perlaksanaan ranchangan ini yang memerlukan pengorbanan, persefahaman dan menerangkan kepada seluruh ra'ayat terutama sa-kali Ahli² Yang Berhormat di-tempat kawasan undi mereka itu sendiri. Tolong-lah saya dan tolong-lah diri tuan² dan tolong-lah orang² yang mengundi tuan² itu supaya jangan dia mati demam kura. Sa-terus-nya tentang faedah² yang akan ra'ayat perolehi dari pembasmian penyakit malaria yang telah mengancam diri kita semua sa-kali ini menyebabkan kemerosotan ekonomi negara kita sejak beberapa tahun yang lampau.

Ahli² Yang Berhormat sekalian, rahsia-nya daripada pakar² malaria dunia hendak menjayakan penoh kalau ada 100 buah rumah yang mesti di-semboi tiap² sa-buah rumah yang 100 itu mesti bersetuju di-semboi. Kalau satu sahaja tidak di-semboi yang 99 di-semboi, sa-buah rumah itu

menjadi sarang nyamok yang membawa kuman dalam 6 bulan nyamok² sudah merebakkan kuman malaria ka-semua sa-kali 99 rumah semua-nya dengan malaria. Maka segala kerja, segala wang, segala chita² hendak menghapuskan habis terbang dengan perchuma sahaja. Maka hendak menjayakan Ranchangan basmi Malaria sama ada semua bersetuju, atau ta' usah obat sa-kali; mahu hidup atau mahu mati. Kalau mahu hidup, nyamok mesti mati, kalau nyamok ta' mati, kita mati (*Ketawa*). Itu-lah sahaja petua-nya yang senang sa-kali. Saya chadangkan Rang Undang² ini di-bacha kali yang kedua.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) I cannot but wholeheartedly support this Bill, but however I must make this observation that this Bill should have been passed long ago. Malaria problem, or the control of malaria, is not something new, and it is only now we have been asked, Mr Speaker, Sir, to repeal the various Enactments that govern the control of malaria in the various States of Malaysia. Nevertheless, I have to say, it is better late than never.

Mr Speaker, Sir, it would be futile for us to pass this Bill if there is insufficient staff to control the spread of malaria or to bring to control the breeding places of malaria mosquitoes or mosquitoes that carry malaria parasites and mosquitoes that do not carry malaria parasites.

I agree, Mr Speaker, Sir, with the Honourable Minister that this disease can do a lot of harm to the individuals concerned, but not only does it do a lot of harm to the individuals concerned but it also can do a lot of harm to the economy of the country. Those afflicted by this disease are lethargic and they either cannot do their work properly or are put out of action, consequently causing a lot of loss of man hours. But, Mr Speaker, Sir, having passed—I assume that this Bill will be passed into law—when this Bill is passed into law, that alone would not be sufficient. We give a lot of time on T.V., a lot of publicity is given on T.V. and in other ways for road safety measures but I have yet to see programmes on T.V. whereby the

public is made aware of the dangers of malaria, or the necessity to control the breeding grounds of mosquitoes, whether nuisance mosquitoes or mosquitoes that carry malaria parasites. I think a scheme comparable to that of the programme akin to the publicity given to road safety should also be planned for the purpose of making the public aware of the dangers of malaria, and to make them realise the manner in which they, members of the public, can unthinkingly create conditions where mosquitoes can be bred or propagated. Members of the public are not made aware of the various means by which they create themselves these conditions for the propagation of mosquitoes and something ought to be done there. Further, Mr Speaker, Sir, it is equally important for those whose task it would be to control breeding grounds of mosquitoes or to eradicate the breeding grounds of mosquitoes, to realise that it is not simply a matter of eradicating the mosquitoes, that this also involves human problems. They in their work must, of necessity, come into contact with members of the public, and if they wish to get the support and co-operation of members of the public they, in carrying out their duties, ought not to be officious and arrogant but be more polite in their contacts with members of the public.

Furthermore, Mr Speaker, Sir, I would like to just touch on two or three Clauses of this Bill with which I am not too happy. Firstly, by Clauses 29 and 30 of this Bill, Mr Speaker, Sir, it is sought to empower the Director or a Medical Officer of Health to recover from owners of premises or properties, of expenditure that has been incurred by the Ministry in constructing work to control or eradicate breeding grounds of mosquitoes. But it empowers these officers not only to recover from the owner, but where the owner sells his property it empowers these officers to recover from the purchaser of these properties, and here you will get a situation, Mr Speaker, Sir, where an innocent purchaser who does not realise that the Ministry had expended certain sums of money on these works and that he, after buying the property, may be liable to pay for what has been expended because the vendor did not disclose that this expenditure had been incurred and that the purchaser would have to pay for it.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: On a point of clarification before the Honourable Member spends so much of your time on this. If you refer to Clause 33 'Appeals to Minister' (page 18) whatever Director or Medical Officer of Health decides, if he thinks it is not fair, that aggrieved party can appeal to me; I have got powers and I will make use of my tender mercy. He can rest assured, especially if it were a matter of life and death to that man. I will take care of that under Clause 33—"Appeals to Minister". Is that enough?

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) On a point of order, Sir. Would it not be better, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, that rather than leave it to the tender mercy of only you—satu orang—we have you and 'saya sini', I mean, an Appeal Board.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: If this appeal is going to be represented by the Opposition Party, we might as well have no appeal because it is no appeal at all. (*Ketawa*). You can rely on the Alliance Ministers. They are full of integrity—I can assure you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: The Honourable Member for Penang Utara may continue.

Tuan Peter Paul Dason: Mr Speaker, Sir, I am very grateful to the Honourable Minister for wanting to clarify the position, but I am afraid the Clause he quotes is not applicable. Clause 33 involves an order by the Medical Officer or by the Director to construct bunds construction works to control mosquito breeding grounds. I am not talking on that, Mr Speaker, Sir. I am talking of where the works have already taken place, and who is to meet the bill. Section 33 does not cover the issue I am raising. So I would ask, Mr Speaker, Sir, that the Minister should look into the matters I have raised. No doubt, the Ministry must recover expenditure that they have incurred from somebody, either the previous owner or the new owner, but it can, I see, do an injustice on the purchaser because he had had no notice. So I would suggest, Mr Speaker, Sir, that the Ministry instruct its officers, or in every State the C.M.H.O. there be instructed, that where intending purchasers make enquiries whether any expenditure has been incurred on certain

properties to which the Ministry can ask for recovery of those expenses, immediate information be supplied to those who make these enquiries. That, I believe, may to some extent, rectify the position.

Further, Mr Speaker, Sir, Clause 37 (1) requires that any person who intends to undertake, execute or carry out any building, land development or other operations shall notify the Director or a Medical Officer of Health in writing of his intention so to do not less than fourteen days before the commencement of the operations and where this is not done they commit an offence for which they will be punishable.

Mr Speaker, Sir, this can, I believe, create situations where people with no intentions whatsoever of breaking the law may be caught, ignorance of the law being no excuse. It is all right for large developers and big contractors, Mr Speaker, Sir. They have legal advice, legal advisers to advise them of the latest laws and they will know that they have to give this notice. I do not, Mr Speaker, Sir, disagree with what this Clause is trying to do, that the Medical Officers should have information of any building schemes because they may create conditions where mosquitoes can breed. But what I am raising is that you will have a group of developers—not developers as defined under the Developers Act—but contractors who build one or two houses at a time or individuals who get contractors in the rural areas to build their house for them and they would also be caught within this Clause; they also would be required to give notice but they may not be aware that they are required to give such notice. Then unwittingly they commit an offence and I suggest, Mr Speaker, Sir, that the Ministry should give full publicity to this requirement of the law so that nobody will unwittingly commit an offence where he never, in the first place, intended to do so.

I hope, Mr Speaker, Sir, that the Ministry, as I said earlier, would stress on its officers that in carrying out their duties, they should be courteous towards members of the public, they will have to go into their homes, into their lands and be courteous and thereby get the co-operation of the public to help the Government to eradicate malaria from this country. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita berhubung dengan ranchangan membasmi malaria di-tanah ayer kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sambil menyokong ini memberikan perhatian² yang ada kaitan dengan Rang Undang² ini dan juga perkara yang telah di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lama ini ra'ayat di-luar bandar kalau dia lemah dalam pelajaran, lemah dalam bekerja ta' ada bertenaga, satu daripada puncha sebab-nya ia-lah malaria dan pernah orang berkata orang Melayu itu malas. Bukan sebab malas mereka itu mengidap satu penyakit, satu daripadanya ia-lah penyakit malaria dan orang² luar bandar juga tahu macham mana hendak membasmi penyakit malaria ini. Dia makan pisang embun banyak² boleh menchegeh penyakit malaria ini dan dia berbarut dengan satu jenis kayu dia kata boleh menchegeh malaria. Mereka ini memang ada usaha hendak mengatasi malaria, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, selalu di-kelirukan oleh pegawai² yang menchegeh penyakit malaria ini. Bila mereka menyuroh, meminta supaya di-semborkan nyamok, dia kata bahawa nyamok ini dua macham, ada satu nyamok yang membawa penyakit malaria dan beberapa jenis pula nyamok yang bukan membawa penyakit malaria dan nyamok itu kata-nya mendatangkan munafa'at kepada orang. Jadi kekeliruan ini selalu pernah di-datangkan oleh pegawai² yang berkenaan kepada penduduk² luar bandar. Fasal mereka ta' gemar berusaha bersungguh² bagi menchegeh nyamok² yang mendatangkan penyakit ini.

Sa-lain daripada nyamok ini, Tuan Yang di-Pertua, nyamok yang membawa penyakit malaria ini, ada satu nyamok yang di-takuti oleh penduduk luar bandar, nyamok yang boleh mendatangkan untut, nyamok ini boleh menjangkit. Pada kampong² yang di-ulu kalau kena nyamok yang membawa penyakit untut ini siapa yang di-hinggap oleh nyamok ini dan di-hisap oleh nyamok ini orang itu akan menjangkit akan mendapat penyakit untut. Jadi kalau boleh di-sekalikan juga obat penyembor ini boleh membunuh nyamok malaria dan nyamok yang mendatangkan penyakit untut, ini mendatangkan kebaikan kepada ra'ayat.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, satu tugas saya fikir patut di-buat oleh Kementerian ini, siapa juga ra'ayat luar bandar yang menjadi mangsa penyakit malaria ini hendaklah selalu di-pereksa. Ini manakala mereka itu telah berubat di-hospital dan di-katakan dia ini ta' ada penyakit malaria lagi, orang ini tertinggal-lah dengan rawatan, tertinggal-lah dengan nasihat, dan mereka ini-lah juga daripada puncha penyakit itu boleh berjangkit. Jadi saya harap bekas² penyakit malaria itu di-pereksa dari sa-masa ka-masa.

Satu perkara lagi tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengatakan berhubung dengan menyembor rachun di-rumah dengan obat DDT tadi. Saya harap kalau hendak masuk ka-dalam rumah itu tolong-lah dengan keadaan tata-tertib khas-nya orang Melayu. Masok dengan ta' buka kasut, dia sembor pula bilek² orang itu, tentu-lah orang ini tidak benarkan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita masuk dengan chara hormat, dengan chara minta izin, dengan chara di-mana yang kita hendak sembor, tentu-lah dia ta' marah. Kadang² kualiti kawan itu kena sembor obat ini juga. Jadi perkara yang samacham ini kerjasama, keizinan, tata-tertib kepada orang² luar bandar khas-nya dikehendaki bagi pegawai² yang menjalankan tugas ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya berikan pandangan bahawa Lembaga ini bukan sahaja kita patut tubuhkan di-perengkat pusat, patut kita tubuhkan di-perengkat daerah khas-nya di-tempat² yang ada Pusat Kesihatan Kechil, atau Pusat Kesihatan Besar. Sebab daripada ini-lah juga yang menjadi ahli Lembaga perengkat daerah dan perengkat mukim itu-lah yang tahu betul² di-mana kampung yang ada di-serang oleh penyakit malaria ini, dan daripada Lembaga ini-lah juga dapat di-beri kerjasama kepada Kementerian ini bagaimana hendak menchegeh penyakit tersebut.

Saya fikir sa-takat itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian pada petang ini bagi mengucapkan terima kaseh kepada Kerajaan kerana membentangkan Rang Undang² ini dengan tujuan-nya hendak membasmi malaria. Dalam Bill ini telah di-nyatakan ia itu bagi menubuhkan sa-buah Lembaga yang

akan menasihati dan memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana chara-nya menghapuskan penyakit malaria.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit malaria di-negeri kita sekarang ini lebeh² lagi pada masa ini sangat² menjadi terutama di-kawasan² luar bandar. Jadi sekarang ini saya suka hendak memberi pandangan kepada Kerajaan Undang² kita buat, duit kita sediakan, tetapi dua faktor lain yang patut kita timbangkan, pertama kaki-tangan, perkhidmatan kaki-tangan yang ikhlas.

Yang kedua, sambutan daripada ra'ayat. Jikalau usaha kita hendak berjaya Kerajaan patut-lah menimbangkan bagi di-tambah kaki-tangan, kerana kaki-tangan yang ada hari ini ada-lah warithan daripada beberapa tahun dahulu. Jadi usaha kita yang dahulu itu pun hari ini kita tidak dapat kejayaan lagi.

Jadi kalau sa-kira-nya kita hendak berjaya, saya menhadangkan kepada Kerajaan supaya kaki-tangan ini mesti-lah di-tambah.

Yang kedua, hendak-lah kaki-tangan ini di-pertempatan, di-letakkan di-kawasan² luar bandar terutama di-tempat yang ada Pusat² Kesihatan Kechil² atau Pusat Kesihatan yang orang ini boleh berkhidmat ka-luar bandar, ka-kampung² dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi satu contoh. Bagi kawasan saya kaki-tangan anti malaria ini ada di-Kuala Lipis, lebeh kurang empat atau lima orang; mukim-nya 10, kampung-nya lebeh dari limenam ratus kampung yang dia akan pergi bergilir² pada tiap² kampung, tiap² mukim, balek sa-mula ka-Kuala Lipis umpama-nya. Jadi, tiga bulan dia round, dia pusing pun ta' sampai lagi ka-kampung yang mula² dia menyembor. Jadi kalau kita banyakkan pegawai ini, kita tempatkan di-tiap² tempat, jadi usaha menyembor obat ini sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat kata tadi dapat kita lakukan serentak.

Dan ada baik-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat pada zaman penjajahan dahulu, pada zaman yang sa-belum negeri ini merdeka ada tayangan wayang gambar yang pada masa itu saya ingat, saya maseh kechil² lagi, nama-nya Wayang Nyamok. Jadi ini pun satu sebaran 'am yang patut Kerajaan buat kita terangkan chara-nya bagaimana membasmi malaria, membasmi nyamok, di-cheri-

takan, di-filemkan, saya fikir Jabatan Penerangan, Jabatan Filem Negara akan memberi khidmat yang baik kalau dia di-minta. Jadi, ini satu gambaran yang lebih mendekati kepada pemikiran ra'ayat.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi, atau melalui jalan raya, kita nampak ta' banyak lagi tulisan² signboard yang bertulis, chuma gambar sahaja, orang bongkok dengan pegang changkol—sa-kelompok pasir ada di-hadapan dia. Ini menunjukkan orang tengah bekerja. Jadi yang sudah² ini Jabatan Kesihatan selalu memberi penerangan yang panjang sampai empat keping, lima keping surat yang di-tulis halus², yang mesti pakai chermim mata, seperti saya sekarang, yang ini tidak menarek orang ramai sa-kali pun dia tahu.

Sa-bagaimana kata sahabat saya tadi, nyamok yang menjangkitkan malaria ia-lah nyamok tirok, nyamok lain itu saya tidak tahu-lah sama ada dia munafa'at atau tidak. Jadi ada nyamok yang bahaya yang patut kita basmikan, ada nyamok yang ta' patut di-basmikan, itu pun saya ta' tahu. Pada saya nyamok mesti di-basmikan sama ada dia tirok atau ta' tirok, serampang atau ta' serampang, nyamok mesti di-basmikan dan saya bersetuju biar-lah nyamok mati, jangan kita mati.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kiranya kita buat sebaran 'am seperti ini dengan memberi gambaran yang menarek, kita adakan musim²-nya, mengadakan minggu nyamok umpama-nya tentu-lah ra'ayat akan dapat menarek perhatian. Sebab sa-bagaimana yang saya kata tadi sa-lain daripada Bill ini sahaja, sa-lain daripada wang diperuntukkan, kaki-tangan mesti-lah di-tambah dan di-tempatkan betul² di-luar² bandar.

Sekarang ini, saya minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya cheritakan di-dalam wad hospital itu ada nyamok, di-dalam kelambu itu pun ada nyamok. Jadi nyamok ini berada bukan sahaja di-luar bandar, tetapi juga di-dalam bandar. Mengapa nyamok ini ada di-dalam hospital, di-dalam rumah sakit. Saya fikir nyamok ini pun sudah mahu berubat di-rumah sakit agak-nya. Jadi apa yang saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan meletakkan usaha ini di-tengah² atau di-luar² bandar, jangan-lah kita mengadakan perkara

ini mengikut langkah² yang lama, sebab langkah yang lama 4 tahun dahulu tidak boleh membasmi penyakit tirok, demam kepialu, atau pun daripada pembasmian malaria ini. Dan saya harap dengan usaha yang baharu ini dan dengan Bill ini di-luluskan, dan saya perchaya akan di-luluskan, kita harap penyakit malaria ini akan hapus di-bumi negara kita dan saya perchaya dengan azam Menteri kita yang kuat ini, sa-bagaimana yang tahu pada masa² yang sudah, usaha²-nya berjaya, saya harap akan dapat di-hapuskan malaria ini dengan sa-berapa segera yang boleh, sebab sa-bagaimana kata sahabat saya tadi, kelemahan kita sa-sabuah negara itu ia-lah berkehendakkan ra'ayat yang sihat. Jikalau ra'ayat-nya sihat, tegap, subur tuboh badan-nya, jadi tanda kema'amoran negara itu boleh di-buktikan kepada tuboh ra'ayat²-nya.

Jadi, sekarang ini daripada kelemahan kebanyakan ra'ayat kita mengidap penyakit malaria. Ini mengurangkan untong-nya pada penduduk² di-luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelajaran, segi kesihatan dan ra'ayat di-luar bandar memang kurang mendapat faedah, kerana jauh sekolah umpamanya sedangkan mereka itu sakit dan usaha ini kalau dapat di-buat, kalau dapat disunggohi oleh Kementerian Kesihatan, saya yakin dan perchaya ra'ayat² di-luar bandar khusus-nya akan menguchapkan terima kaseh, bukan sahaja kepada Kerajaan ini, tetapi kepada Kerajaan, kepada kaki-tangan seluruh-nya yang berusaha hendak menghapuskan-nya. Terima kaseh.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Sir, even the mosquito will give us 7 days' notice before we are struck down by malaria—there is an incubation period of 7 days—but the Minister of Health here did not give us 7 days before he presented this Bill to the House. Sir, I am not comparing him to a mosquito, nor the other Ministers before us who did not give us very much notice to go through all these Rang Undang², a whole lot of Bills which are presented to this House frequently at 5 minutes' notice, one day's notice, and we are asked to go through them and then comment intelligently on them. So I hope, Sir, in future Honourable Ministers will give us a little bit more time so that we will be able to give more constructive suggestions to the Government.

Sir, on the question of malaria, Clause 37(1) says, "Any person who intends to undertake, execute or carry out any building, land development or other operations shall notify the Director or a Medical Officer of Health in writing of his intention so to do not less than fourteen days before the commencement of the operations".

Sir, from practical experience with people who carry out building activities, it has been the experience of many people, people who want to build, painful experience, Sir, the delay in getting things approved, a long delay in getting things done before a chap can actually get on with the building of a structure. And it is my hope, Sir, that with this new law, further delay would not be caused on people who want to carry out building activities. Frequently, for instance, building plans have to be sent either to the Municipality or the Department of Health for approval of septic tanks and other matters related to health, and there is considerable delay there, but I hope that with this new thing further delay is not occasioned.

Then, Sir, the other thing is the question of rubber smallholders. I am told by people who own small pieces of rubber estate in the rural areas, Malay rubber smallholders, Chinese smallholders and so on, that some of the conditions which are specified by the Department of Health, especially the Anti-Malaria Eradication Unit, are very difficult to comply with, and actually if they are complied with, then most of these smallholders would go bankrupt. Life is already difficult as it is; with the rubber price being very low, not many of them could earn more than \$60 or \$70 a month. So if you try to impose some of your anti-malaria laws on these rubber smallholders, then I think we had it.

Now, on the question of pollution, Sir, there is nothing here in this Bill or in the Second Malaysia Plan which shows any kind of awareness on the part of the Ministry of Health with regard to the dangers which could be caused by the excessive usage of DDT. I think we have got to be very careful about that one. The Americans have got considerable experience on the over-use of DDT

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, Sir, I would like to clarify the matter. The Honourable Member is a professional architect and I am a lawyer, but anyway I have got a ruling recently from the Court of Appeal in America. What you quoted is just a decision of one of the many Supreme Courts in the United States of America where there are so many States—51 States. But the Secretary of the Department of Agriculture took it up to the Court of Appeal. The Court of Appeal has reversed it saying that there is no evidence whatsoever. This is totally a different matter. What we are using now is to spray inside, nothing to do with the agricultural spraying, which was the matter in dispute in the United States. We have taken precautionary measures. In fact, when I was at the WHO Conference recently in Geneva, a public statement was made by the World Health Assembly certifying that there is no danger of DDT being used or to be continued to be used all over the world as long as it is for interior use and not for agricultural purposes and on that advice we are following up this practice. I hope with the WHO's assurance, it is good enough for the Member for Bungsar. (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: Thank you very much, Honourable Minister, for that medical exposition (*Ketawa*). I did not realise that you also possess some medical skill. But, Sir, from what I read from other equally capable medical authorities

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: That is out of date! (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: who have asserted that the over-usage of DDT could cause environmental and health hazards. Those are all the points which I wish to put forward. We should exercise some care especially in the rural areas where, as I said earlier, life is already hard enough for the poor kampong people and if you keep on making life more difficult for them with all kinds of pollution and contamination of the natural environment, then I say, Sir, you would not be doing a responsible job.

One of the things which we suffer in this country is the poor health conditions of the rural folks, and I am all in favour of any kind of law which could prevent the spread of communicable diseases in the rural areas

because if we have got a strong, healthy rural population and also a strong, healthy urban population, our country could be economically more productive.

Sir, there is one point and that covers my constituency of Bungsar. There are many areas in Kuala Kumpur, Petaling Jaya and Klang Road where, if you care to go on a visit with me, the lalang is about as high as here and as you said just now, Sir, that is a question of life and death: either the mosquitoes survive, we die or we survive, the mosquitoes die. That is very good. There are a lot of mosquitoes which are being bred inside the tall lalang, and I have written many letters to the Municipality, Kuala Lumpur and the Town Board, Petaling Jaya on these matters. But they do not seem to take a serious view about this tall lalang and anti-malaria control as you do. So, I will be

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: For the information of the Honourable Member, again, as an active Minister of Health I have taken the initiative to co-ordinate: I have already instructed my Director of Health to co-ordinate with the Health Officer of the Municipality, the Health Officer of the Petaling Jaya Authority and the Airport Authority and already they have had two meetings. So, will you liaise with me in future, so that we can help you?

Tuan Goh Hock Guan: Yes, Sir, that is fair enough. We could expect some very swift action before long because there is one part of 3rd Mile, Klang Road, for instance, where there are many Police officers who are living inside there. They have written many letters to the Municipality, absolutely no answer; and increasingly I suppose, our police officers would have a bigger job to do. So, I do not like them to be stung by mosquitoes and then they would not be able to do their job, then I will hold you responsible, Sir. Thank you very much. (*Ketawa*).

Dr S. Seevaratnam (Seremban Barat): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to support this Bill, because this is a very important and necessary Bill and it is in keeping with the rapid development of our country. This will, of course, throw a lot of work on the Ministry and thereby the success of this programme may be bogged down. However, I realise that it must be done and I wish the Ministry all success.

But I would like to point out that in the process of implementing this malaria eradication, we must not forget the control of malaria which is different, in the sense that in my area in Bukit Nanas and the surrounding areas, there is actually an increase in the number of malaria cases that come to see me in my clinic. This, I think, is due to the lack of control of malaria which was effectively carried out, as you know, Sir, in the past. I, therefore, urge the Ministry that by introducing this Bill, they should not forget the effective control of malaria, especially in the rural areas, because the rural people are already afflicted by many other illnesses, malnutrition and worm-infestation, and if the Ministry, while carrying out this programme of eradication, forgets to control malaria in these areas, I am afraid these people who are already poor will be poorer, their health will be debilitated and they will not be able to earn very much.

I, therefore, consider that this Bill is a very important Bill, but at the same time I would urge the Ministry to fully effect the control measures which are now going on. Thank you.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, at a first glance at this Bill, I would say that this Bill is not properly named neither is it balanced, but I would not like to question the medical knowledge of our Honourable Minister of Health. But I suppose a mosquito does not carry malaria alone, it also carries yellow fever and also lately some suspect that it is a carrier of a virus disease of the brain. Therefore, I would suggest that we amend the title of this Bill to "The Mosquito Eradication Act" because the whole Bill itself talks about nothing but mosquitoes. Well, I suppose the ingenuity or the inspiring idea of eradicating malaria does come from the idea of getting rid of all the mosquitoes in this country. I well remember that a neighbouring country has gone through a nation-wide anti-mosquito campaign and a very successful one. Now we come to this part of the world, to this country, and to implement this I think is very good. As you know, malaria exists in the tropics, and a lot of tourists, especially from Europe and America, usually have the impression that Malaysia is full of mosquitoes, and that won't do. Regarding the steps to be taken, I say that this Bill has no definite programme on how to get rid of mosquitoes,

and I would think that this would only carry 50% effectiveness. Instead I would suggest that after the passage of this Bill we should call on the entire nation, including myself and the Minister of Health, to go through a campaign to get rid of at least the dangerous mosquitoes in this country, so that this problem of the mosquito menace can be eradicated. This is an environmental problem to a country like ours, an equatorial country—as you know, geographically our country is in the Equator. I think malaria is a great menace and a great nuisance; so we must get rid of this nuisance once and for all.

Another observation is this. When we talk about mosquito eradication, we also talk about D.D.T. It has always been found that people who are employed to spray D.D.T. in foul waters, in drains, in streams, often sell the D.D.T. to households—half of the tin he carries will be sprayed in these places and the other half probably will go into commercial channels.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: On a point of information. Spraying of D.D.T. is on the inside walls. The other one is what we call oiling to kill the *jentek*² (larva). So don't get all confused. D.D.T. is a powder and mixed with certain proportion of water, you spray it. The one that is thrown on the water is oil to kill the *jentek*². (*Ketawa*) They are two different things.

Tuan Hor Cheok Foon: What I mean, Mr Speaker, Sir, is that we hope that the enforcing of this anti-mosquito programme must be watched carefully, otherwise most of the stuff employed to destroy mosquitoes will go into commercial channels.

Another thing I wish to observe is that we have a few big petroleum companies in this country, and a lot of the anti-mosquito chemicals are derived from petroleum by-products. We hope that steps would also be taken to get the petroleum companies to sell their anti-mosquito products much more cheaply so that more people, especially the people from the lower income group, do not have to dispense with chemicals like D.D.T. because they could not afford it.

Sir, after this Bill is passed, I have got a first case for the Minister to attend to. This is a case in which I as a Member of Parlia-

ment for Damansara, in the course of expediting my duty, wrote a letter on behalf of the residents in the world's biggest open-cast mine, the Sungei Besi Mine, to the management and told the management of the complaint that foul water has been stagnating in this mine; and I got a reply from those people concerned who, I suppose, are from the private enterprise. This is what they told me: "Therefore, we do not see any possible advantage of your intervention." So this is a very good case and we hope steps will be taken to notify all the big business houses, the mines and the ladang², so that the people's representatives when they receive complaints from the people there, especially on foul water which may breed mosquitoes—and we are denied the opportunity of gaining access to it—may take up the matters.

Finally, another observation I would like to bring forward to this House is about the Group District Hospital at Puchong, 12th Mile—a deplorable hospital run by a group of

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: On a point of order Mr Speaker, Sir,—this Bill is about malaria, not about hospitals. You can speak on this under the Second Malaysia Development Plan under which more time will be given to you to speak.

Tuan Yang di-Pertua: (*Kapada Tuan Hor Cheok Foon*) Have you finished?

Tuan Hor Cheok Foon: No, Sir. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, I would like to conclude now: I should not waste time especially at this hour. What I mention about hospitals is that malaria and like diseases have always flared up in such areas like Puchong and the patients always go there to receive treatment. What I am trying to say is, with the Minister of Health here, I would like to draw his attention, especially to the condition of this Puchong District Hospital, which I personally felt should be brought to the attention of this Parliament. Thank you very much, Sir.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Bill ini akan mendapat sambutan yang baik daripada ra'ayat khas-nya daripada penduduk² luar bandar. Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Apa yang saya suka bangkitkan di-dalam

perbahathan mengenai Rang Undang² ini ialah satu perkara mengenai kaki-tangan atau pun buroh² yang bekerja dalam Jabatan membasmi malaria ini. Banyak pemuda² telah di-ambil bekerja sa-bagai penyembor obat membasmi nyamok di-luar dan di-dalam bandar, Mereka ini bekerja dengan giat, terkadang² terjadi kelambatan membayar gaji mereka² ini sa-hingga lewat daripada yang berpatutan yang menyebabkan mereka selalu merayu datang meminta jasa baik dari berbagai² pihak termasuk Wakil Ra'ayat supaya gaji² atau upahan mereka itu di-bayar mengikut masa² yang tertentu. Pernah beberapa kali saya terpaksa berhubung dengan Jabatan atau Kementerian Kesihatan dalam hal ini menimbangkan dalam kesengsaraan buroh² yang bekerja bertungkus-lumus dengan gaji yang bukan tinggi bahkan yang sa-rendah²-nya. Kerap kali buroh² ini meredah dalam kampong² dan hutan² dalam menjalankan tugas² mereka. Saya sangat berharap hal berkenaan dengan pembayaran gaji, atau sa-umpama-nya kepada buroh² ini di-buat mengikut masa² yang tertentu. Buroh² yang di-beri layanan yang baik akan menyampaikan maksud dan hasrat Bill ini.

Lagi satu perkara yang patut di-buat oleh Kementerian Kesihatan berkenaan dengan perkara menyampaikan hasrat Bill ini ia-lah bermuafakat dengan Kementerian atau Menteri Penerangan supaya menjalankan kempen mencheegah malaria ini menerusi radio dan T.V. dan juga pada fikiran saya dengan Menteri Pelajaran supaya anak² sekolah kita di-beri pelajaran berkenaan dengan melawan penyakit ini. Umpama-nya anak² di-ajarkan lagu² mencheegah malaria supaya usaha Kerajaan ini akan tersua bergema di-dalam tanah ayer kita ini. Itu-lah sahaja fikiran yang datang daripada saya untuk menyokong Bill ini. Terima kaseh.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membahathkan Rang Undang² Pembasmian Malaria ini. Saya hanya hendak menyentoh di-dalam beberapa perkara yang sedikit sahaja ia-itu perkara membasmi malaria ini.

Saya rasa sudah sampai masa-nya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengambil satu formula yang baharu daripada menyembor di-rumah². Apa kata kalau kita chuba minta bagi pihak Jabatan Kesihatan membuat satu kajian. Kalau-lah bagi pihak

T.B. kita adakan injection B.C.G.-nya apa salah-nya bagi pihak anti-malaria ini kita chari pula usaha yang chara lebeh saintifik lagi.

Perkara menyembor obat² nyamok di-rumah² ini telah menjadi rungutan sa-tiap orang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bukan-lah kita dapat mempopularkan perkara membasmi malaria bahkan menjadi kemarahan orang ramai. Saya sudah ta' tahan telinga mendengar sungutan² daripada orang ramai, baik-nya ada bukan tidak, kerana kita dapati sekarang anak² yang puchat, kembong, yang mengidapi penyakit malaria ini sudah tidak kelihatan lagi, tetapi yang menyakitkan hati suri² rumah tangga ia-lah soal rumah² mereka hari ini kebanyakan-nya telah berchat dan sayang-nya chat² dia di-kotorkan oleh obat² penyembor nyamok malaria ini dan lagi satu perkara yang saya berasa hairan, ia-ini Jabatan Kesihatan juga mengatakan kepada saya kerana nyamok ini ada juga breeding ground. Sekarang sudah sampai masa ranchangan perumahan yang begitu pesat sa-kali, di-bongkar² tanah² itu di-jadikan rumah². Jadi, tempat perlindungan bagi nyamok² itu tidak ada. Akhir-nya dia masuk ka-rumah² orang.

Hari ini kita tengok yang paling laku sa-kali ia-lah obat² nyamok mosquito coil, di-mana² juga kedai ada menjual mosquito coil. Kita membasmi malaria ini dengan menyembor obat nyamok di-kawasan² luar bandar, hari ini nyamok telah berhijrah ka-bandar². Daripada pukul 6 petang kita sudah mula memasang obat nyamok sampai pukul 6 pagi. Jadi, apa-lah salah-nya, saya rasa untuk kita menchari satu jalan yang lebeh selamat lagi. Kita chuba-lah mengadakan prevention, ia-itu dengan chara injection atau pun chara² yang lain. Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya menyuarakan rasa tidak puas hati orang ramai berkenaan dengan pembasmian malaria ini. Terima kaseh.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu perkara ini bukan sekarang, sudah lama dan di-sini saya menyokong penoh Rang Undang² ini dan juga saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Menteri yang berkenaan dengan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan membasmi nyamok malaria ini saya rasa tidak berapa susah, senang, akan tetapi apa yang menyusahkan kerana mereka yang menjalankan

pekerjaan ini ada-lah terdiri daripada pemuda² dan orang tua. Mereka selalu ber-jalan² di-dalam kampung yang di-luar bandar yang saya ketahuī. Sa-tengah daripada mereka itu meninggalkan perkakas alatan itu di-rumah orang sampai dua tiga hari, tidak menjalankan tugas bagaimana yang di-perentahkan oleh ketua-nya. Jadi, apabila sudah sampai dua tiga hari, empat lima hari dia ambil perkakas alatan itu balek, dia bawa balek ka-pejabat. Dia kata dia sudah buat itu kerja.

Satu fasal juga, Tuan Yang di-Pertua, apabila dia menyembor obat itu dia semborkan di-dalam parit yang besar, jalan raya yang besar, ayer yang bertakong² di-sana. Apabila mereka di-kampung itu berkata ada sa-tengah² di-kampung itu mempunyai lot rumah, sebelah-menyebelah mereka ada parit dan di-belakang-nya ada parit, ada juga ayer bertakong sadikit. Apa-bila mereka itu berkata, "Tolong-lah panchot sadikit obat ini di-parit² yang di-belakang keliling rumah kami". Dia kata, itu tidak perlu. Kerana ayer itu sadikit, tidak mengapa kata dia. Jadi, itu-lah sebab-nya saya katakan jikalau-lah benar²-nya orang yang menjalankan tugas ini menjalani kerja dengan sa-betul²-nya ta'at dengan perintah ketua-nya saya agak kita tidak payah mem-basmikan penyakit malaria ini dan penyakit malaria ini memang-lah betul sangat mer-

bahaya kapada semua manusia yang ada di-dalam dunia ini, kerana penyakit ini saya sendiri sudah terkena juga, Tuan Yang di-Pertua. Lama saya mengidap-nya enam bulan. Apabila dia datang, mengeletar kerana sangat sejok, ta' tahan. Muka pun puchat kuning. Hendak buka selimut dua tiga lapis ta' dapat, ta' tahan sejok. Apa-bila habis sejok itu dia datang panas. Dan kita buka kain itu sampai hampir macham orang bogel kata orang kita di-sini. Ini-lah merbahaya penyakit ini. Jadi, sa-takat ini-lah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini ada sakit lagi! (*Ketawa*).

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Sekarang sudah tidak sakit lagi. Sekarang sudah baik. Jadi, saya sa-kali lagi meng-ucapkan terima kaseh kapada Yang Ber-hormat Menteri Kesihatan kerana mengada-kan Rang Undang² in supaya memperkuat membasmi penyakit malaria ini. Ini-lah sahaja, terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Esok kita sambong lagi sa-tengah jam. Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang besok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.